



Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi
Alam Sekitar & Perubahan Iklim
Department Of Environment
Ministry Of Energy, Sains, Technology
Environment & Climate Change

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

2018

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan atau sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar.

Disunting Oleh :

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim

Rekabentuk dan Dicetak Oleh :

DOUBLE VALUE ENTERPRISE
No: 20-01, Jalan Padi Emas 2
Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Hotline : 011 - 2862 8837 Email : dve.bbu@gmail.com



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGARAH		4 - 6
Visi		
Misi		
BAB 1 PENDAHULUAN		7 - 12
Latar Belakang		
Dasar Alam Sekitar Negara		
Profil Jabatan Alam Sekitar		
BAB 2 PENGURUSAN PENTADBIRAN KEWANGAN		13- 18
Pengurusan Sumber Manusia		
BAB 3 PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR		19 - 36
Pemprosesan Laporan EIA		
Laporan Tahunan Unit Penguatkuasaan EIA		
Unit Input Pembangunan		
BAB 4 AKTIVITI PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN PENCEMARAN		37 - 60
Kawalan Terhadap Premis Yang Ditetapkan (PYDT)		
Kawalan Terhadap Kenderaan Bermotor		
Kontigensi Tumpahan Minyak		
Aduan & Pembakaran Terbuka		
Notifikasi		
BAB 5 PENDAKWAAN		61 - 66
BAB 6 PENGAWASAN ALAM SEKITAR		67 - 86
BAB 7 KOMUNIKASI & SEBARAN MAKLUMAT		87 -100
BAB 8 GEOSPATIAL DAN INVENTORI STRATEGIK		101-110



BAB 9 CAWANGAN

Cawangan Batu Pahat

Cawangan Kluang

Cawangan Muar

Cawangan Pengerang

111 - 154

BAB 10 TEKNOLOGI MAKLUMAT

155 - 160

P E R U T U S A N P E N G A R A H

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Segala puji ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan bagi tahun 2018.

Laporan Tahunan 2018 ini memberikan gambaran keseluruhan pencapaian aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 selaras dengan mandat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Penerbitan laporan tahunan ini merupakan usaha berterusan Jabatan untuk melaporkan dan menyebarkan maklumat-maklumat pengurusan alam sekitar dengan harapan dapat dikongsi bersama dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Pada Tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar telah mendapat kerjasama yang sangat baik daripada Kerajaan Negeri Johor dan semua pihak sama ada di sektor program-program alam sekitar sepanjang tahun 2018 dengan mengambilkira peningkatan tahap pembangunan dan membentuk Negeri Johor yang lestari.



program-program alam sekitar sepanjang tahun 2018 dengan mengambilkira peningkatan tahap pembangunan dan membentuk Negeri Johor yang lestari.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah memberikan kerjasama dalam usaha kita meningkatkan kesedaran dalam memulihara dan memelihara alam sekitar di Negeri Johor yang kita cintai ini.

Akhir sekali, saya berharap penerbitan Laporan Tahunan 2018 ini dapat memberikan gambaran sebenar pencapaian yang telah diperolehi sepanjang tahun 2018. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor 2018.

Dato' Dr. Mohammad Ezanni Bin Mat Salleh, D.I.M.P, P.S.I.
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor

Sekian. Terima kasih



VISI

- PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

MISI

- MEMASTIKAN PEMBANGUNAN LESTARI DI DALAM PROSES MEMAJUKAN NEGARA

SLOGAN Q

- INTERGRITI MENJANA KECEMERLANGAN

SLOGAN MS ISO 9001:2008

- PERKHIDMATAN TERBAIK UNTUK KEPUASAN HATI PELANGGAN

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

- PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA





BAB 1

PENDAHULUAN
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

2018

LATAR BELAKANG

Pentadbiran dan pengurusan alam sekitar yang lebih sistematik bermula setelah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 diwartakan. Pada ketika itu, hanya dikenali sebagai Bahagian Alam Sekitar yang diwujudkan pada September 1975 dan berada dibawah Kementerian Kerajaan Tempatan dalam mengawal aktiviti-aktiviti alam sekitar di Malaysia. Selepas 8 tahun penubuhan, Bahagian Alam Sekitar telah dinaik taraf menjadi sebuah jabatan pada September 1983. Pada Jun 2018 sehingga sekarang, Jabatan Alam Sekitar telah dipindahkan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim.

DASAR ALAM SEKITAR NEGARA

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia, menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Tujuan DASN untuk mencapai alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan. Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat. Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran.

Terdapat lapan (8) prinsip di bawah DASN untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar iaitu :-



Rajah 1.1 : Prinsip di bawah Dasar Alam Sekitar Negara (DASN)



JABATAN A L A M SEKITAR NEGERI J O H O R

Johor merupakan negeri ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan 18,941 kilometer persegi dan merupakan sebuah negeri yang pesat membangun. Sudah 36 tahun penubuhan Jabatan Alam Sekitar bertapak di Negeri Johor sejak kewujudannya pada tahun 1981. Semenjak itu, pelbagai perubahan dan perkembangan di dalam pengurusan alam sekitar telah dilaksanakan dalam usaha memelihara kualiti alam sekitar di negeri ini. Negeri Johor merupakan sebuah negeri yang unik kerana mempunyai topografi yang pelbagai dengan mempunyai 400 km pesisir pantai dan dikelilingi oleh Laut China Selatan di sebelah timur, Selat Melaka di bahagian barat dan Selat Johor di bahagian selatan.

Dalam usaha kerajaan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan di peringkat negeri yang melibatkan pelbagai sumber asli, beberapa isu utama alam sekitar seperti pencemaran air, udara, hakisan dan kelodakan tanah, pengurusan buangan sisa toksik serta sisa-sisa pepejal yang diberi perhatian yang serius. Dengan berlandaskan konsep pembangunan lestari, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Alam Sekitar serta agensi-agensi lain bekerjasama demi menjamin keseimbangan pembangunan dan alam sekitar.



PROFIL JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI JOHOR

Pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor ditubuhkan pada tahun 1981 yang beroperasi di tingkat 25, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), Johor Bahru. Pada tahun 1983, pejabat telah berpindah ke tingkat 23 di bangunan yang sama.

Tenaga kerja JAS Negeri Johor ketika itu hanya berjumlah 8 orang pegawai dan Encik Mohd Ishak bin Thani sebagai Pengarah yang pertama hingga penghujung tahun 1982. Kemudian, tempat beliau diganti oleh Encik Patrick Tan Hock Chuan sehingga 1993 sebelum jawatan beliau diambil alih oleh Encik Rosli bin Che Husin. Seterusnya jawatan Pengarah digalas oleh Yang Mulia Tengku Bakry Shah bin Tengku Johan Shah pada tahun 1997 sehingga penghujung tahun 2004.

Jumlah kakitangan di JAS Negeri Johor semakin berkembang dan mencapai 21 pegawai pada tahun 1994. Pada ketika itu, pejabat JAS Negeri Johor berpindah buat kali ketiga bagi menampung jumlah pegawai yang bertambah ke Bangunan Timjaya, Skudai Kiri pada tahun 1997 dan beroperasi di tingkat satu, tiga dan empat. Menjelang tahun 2002, JAS Negeri Johor telah berkembang dan menjadi lebih berkesan seiring dengan pembangunan yang pesat di Negeri Johor apabila tiga cawangan baru telah dibuka pada tahun 2002. Ketiga-tiga cawangan ini adalah di daerah Muar, Batu Pahat dan Kluang. Dengan pembukaan pejabat cawangan ini, penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 semakin mantap dalam mencegah berlakunya pencemaran alam sekitar di Negeri Johor.

Pada tahun 2005, tugas Pengarah JAS Negeri Johor diserahkan kepada Dr. Abdul Rahman bin Awang dalam meneruskan legasi kepimpinan Pengarah JAS Negeri Johor terdahulu. Pada ketika itu, dengan pengambilan pegawai-pegawai baru, jumlah kakitangan JAS Negeri Johor telah meningkat kepada 111 orang. Dengan peningkatan kakitangan tersebut, lokasi pejabat JAS Negeri Johor di Timjaya tidak mampu menampung kakitangan yang semakin ramai dan akhirnya pada pertengahan tahun 2006, JAS Negeri Johor berpindah ke tingkat satu dan dua, Bangunan Hasil Dalam Negeri Johor (HASIL) yang berada di Jalan Padi Emas 1, Bandar Baru Uda. Pada tahun 2007, Dr. Zulkifli bin Abdul Rahman telah dilantik menjadi Pengarah JAS Negeri Johor yang baru dan jumlah kakitangan semakin bertambah dengan menjadi seramai 123 orang pada tahun 2007 dan 130 orang pada tahun 2008.

Pada tahun 2009, satu cawangan baru telah dibuka di Pengerang, Kota Tinggi bagi meningkatkan kawalan di kawasan perairan pantai dalam menangani masalah tumpahan minyak kapal. Pada April 2011, Dr. Zulkifli bin Abdul Rahman ditukarkan ke ibu pejabat dan tugas Pengarah JAS Negeri Johor digalas oleh Encik Mokhtar bin Abdul Majid.

Pada pertengahan tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah berpindah ke bangunan baru di Wisma Alam Sekitar, No 46, Jalan Pertama Pusat Perdagangan Danga Utama, Skudai, Johor dan telah sepenuhnya ditadbir di bawah kepimpinan Pengarah, Dato' Dr. Mohammad Ezanni Bin Mat Salleh. Jumlah kakitangan di bawah kepimpinan beliau berjumlah 132 orang.

OBJEKTIF

Dalam usaha meningkatkan pengurusan alam sekitar dengan berkesan di Negeri Johor, Jabatan Alam Sekitar telah menetapkan beberapa objektif Jabatan untuk dicapai dan di antaranya ialah:

Mencegah masalah alam sekitar daripada berbangkit dengan memastikan pemaju sesuatu projek pembangunan mengambil kira semua faktor alam sekitar dalam perancangan dan pelaksanaan dasar, program dan pelan projek-projek pembangunannya;

Meningkatkan perhubungan dan kerjasama erat antara Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dengan agensi-agensi kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam memelihara, mengawal dan mencegah kemerosotan kualiti alam sekitar di Negeri Johor;

Memberi fokus pengurusan dan kawalan pencemaran bermula dari puncanya; dan Meningkatkan pemuliharaan dan memperbaiki alam sekitar sedia ada.

FUNGSI

Untuk mencapai objektif-objektif tersebut, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah menumpukan kepada fungsi-fungsi yang disenaraikan seperti berikut:

Melaksanakan program-program pengawasan kualiti alam sekitar yang meliputi kualiti udara, air sungai dan air laut serta perairan pantai dan air tanah;

Melaksanakan program-program pendidikan dan kesedaran awam tentang alam sekitar;
Menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan yang berkaitan di bawahnya;

Menerapkan input alam sekitar dalam perancangan projek-projek pembangunan.

STRATEGI

Dalam usaha memulihara dan memperbaiki kualiti alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah membuat beberapa pendekatan pengurusan alam sekitar dan di antaranya ialah:

Melaksanakan program kawalan dan pencegahan pencemaran;

Mempertingkatkan inventori punca-punca pencemaran dan mengemaskini pangkalan data;

Mengadakan kerjasama erat antara agensi-agensi persekutuan dan negeri serta terlibat secara aktif dalam Jawatankuasa Peringkat Negeri dan Kerajaan Tempatan

Menekankan program sebaran maklumat alam sekitar dan program kesedaran awam; Mewujudkan sistem touch-on pada perisian komputer untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai alam sekitar dengan cepat dan tepat;

Menggalakkan penggunaan perpustakaan Jabatan Alam Sekitar kepada orang awam.

BAB 2

PENGURUSAN PENTADBIRAN KEWANGAN


JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

2018

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

1. Struktur Organisasi Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor

JAS Johor diketuai oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor. Struktur organisai JAS Johor dibahagikan kepada (5) lima bahagian utama iaitu Bahagian Operasi I (Punca Tetap), Bahagian Operasi II (Punca Bergerak), Bahagian Operasi III, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pentadbiran & Kewangan. (4) Empat pejabat cawangan telah ditubuhkan bagi memantapkan lagi struktur dan pengurusan JAS Johor iaitu di Batu Pahat, Kluang, Muar dan Pengerang.



Rajah 2.1 : Struktur Organisasi JAS Johor sehingga 31 Disember 2018.

2. Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan

Jumlah perjawatan JAS Johor pada tahun 2018 adalah sebanyak 146 jawatan dengan pengisian seramai 127 orang pegawai yang terdiri daripada 18 orang pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional dengan dibantu oleh 109 orang pegawai dari Kumpulan Sokongan. Sehingga akhir tahun 2018 masih terdapat 19 kekosongan jawatan yang masih belum diisi.

KUMPULAN	JAWATAN	ISI	KOSONG
Pengurusan & profesional	27	18	9
Sokongan	119	109	10
JUMLAH KESELURUHAN	146	127	19

Jadual 2.1 : Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan berdasarkan kepada Kumpulan Pengurusan di JAS Johor sehingga 31 Disember 2018.

Senarai perjawatan JAS Negeri Johor di Ibu Pejabat dan (4) empat Cawangan sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

BIL	JAWATAN	GRED	JAWATAN	ISI	KOSONG
	<u>IBU PEJABAT - JAS JOHOR</u>				
1.	Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C52	1	1	0
2.	Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C52	1	0	1
3.	Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C48/C52	2	1	1
4.	Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C48	1	1	0
5.	Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	4	4	0
6.	Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C41/C44	14	7	7
7.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C38	3	3	0
8.	Penolong Jurutera/Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	JA36/C32	1	1	0
9.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32	14	14	0
10.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK 13 Tahun)	C29/C32	26	18	8
11.	Penolong Jurutera (TBK 13 Tahun)	JA29/JA30/ JA36	30	29	1
12.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
13.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (TBK 13 Tahun)	F29/F32	1	1	0
14.	Pembantu Akauntan (TBK 13 Tahun)	W19/W22/ W29	2	2	0
15.	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	N19/N22/ N27/N28	1	1	0
16.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (TBK 13 Tahun)	N19/N22	4	4	0
17.	Pembantu Operasi (TBK 13 Tahun)	N11/N14	2	2	0
18.	Pemandu Kenderaan (TBK 13 Tahun)	H11/H14	4	4	0
19.	Pembantu Awam (TBK 13 Tahun)	H11/H14	1	1	0
	JUMLAH IBU PEJABAT - JAS JOHOR :		113	95	18

Jadual 2.2 : Senarai Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di JAS Johor – Ibu Pejabat sehingga 31 Disember 2018.

BIL	JAWATAN	GRED	JAWATAN	ISI	KOSONG
CAWANGAN MUAR					
1.	Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	1	1	0
2.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32	1	1	0
3.	Penolong Jurutera/Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK 13 Tahun)	JA29/JA30/ JA36/ C27/C32	1	1	0
4.	Penolong Jurutera (TBK 13 Tahun)	JA29/JA30/ JA36	2	2	0
5.	Penolong Jurutera (TBK 13 Tahun)	JA29/JA30/ JA36	1	1	0
6.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK 13 Tahun)	C29/C32	3	2	1
7.	Pemandu Kenderaan (TBK 13 Tahun)	H11/H14	1	1	0
JUMLAH CAWANGAN MUAR :			10	9	1

Jadual 2.3 : Senarai Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di JAS Johor – Cawangan Muar sehingga 31 Disember 2018.

BIL	JAWATAN	GRED	JAWATAN	ISI	KOSONG
CAWANGAN BATU PAHAT					
1.	Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	1	1	0
2.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32	1	1	0
3.	Penolong Jurutera (TBK 13 Tahun)	JA29/JA30/ JA36	3	3	0
4.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK 13 Tahun)	C29/C32	3	3	0
5.	Pemandu Kenderaan (TBK 13 Tahun)	H11/H14	1	1	0
JUMLAH CAWANGAN BATU PAHAT :			9	9	0

Jadual 2.4 : Senarai Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di JAS Johor – Cawangan Batu Pahat sehingga 31 Disember 2018.

BIL	JAWATAN	GRED	JAWATAN	ISI	KOSONG
CAWANGAN KLUANG					
1.	Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	1	1	0
2.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32	2	2	0
3.	Penolong Jurutera (TBK 13 Tahun)	JA29/JA30/ JA36	2	2	0
4.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK 13 Tahun)	C29/C32	2	2	0
5.	Pemandu Kenderaan (TBK 13 Tahun)	H11/H14	1	1	0
JUMLAH CAWANGAN KLUANG :			8	8	0

Jadual 2.5 : Senarai Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di JAS Johor – Cawangan Kluang sehingga 31 Disember 2018.

BIL	JAWATAN	GRED	JAWATAN	ISI	KOSONG
<u>CAWANGAN Pengerang</u>					
1.	Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	1	1	0
2.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C38	1	1	0
3.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32	1	1	0
4.	Penolong Jurutera (TBK 13 Tahun)	JA29/JA30/ JA36	1	1	0
5.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK 13 Tahun)	C29/C32	2	2	0
JUMLAH CAWANGAN KLUANG :			6	6	0

Jadual 2.6 : Senarai Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di JAS Johor – Cawangan Kluang sehingga 31 Disember 2018.

LATIHAN

Berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Dasar Latihan (JKDL) Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) dan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Jabatan Alam Sekitar (MJKL JAS) menetapkan jumlah hari berkursus bagi tahun 2018 adalah sebanyak **4 hari setahun**. Pengurangan hari berkursus ini adalah bertujuan agar semua Pegawai JAS dapat mencapai kehadiran minimum 4 hari berkursus dalam tempoh setahun.

Sistem Aplikasi HRMIS (Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia)

Unit Sumber Manusia terlibat secara langsung dalam pengemaskinian dan penyelenggaraan data asas HRMIS bagi JAS Johor. Status pengemaskinian data HRMIS bagi keseluruhan JAS Johor mengikut Modul/Submodul HRMIS bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

MAKLUMAT HRMIS	PENGEMASKINIAN DATA HRMIS (%)
Rekod Peribadi & Profil Perkhidmatan	100
Perisytiharan Harta	100
Sasaran Kerja Tahunan 2018	100
Data Perjawatan	100
Laporan Penilaian Prestasi Tahunan 2018	100

Jadual 2.7 : Prestasi Pengemaskinian Data HRMIS di JAS Johor bagi tahun 2018.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2018

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah memperakukan seramai 11 orang pegawai di JAS Johor sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2018.

NAMA PEGAWAI	JAWATAN	GRED	TEMPAT BERTUGAS
Noor Mohd Emran bin Amir	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	Bahagian Operasi I JAS JOHOR
Maznuri bin Maslah	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C38	Bahagian Operasi III JAS JOHOR
Mohd Fauzi bin Samad	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C38	Bahagian Pembangunan
Mohd Zafrullah bin Sulaiman	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32	Bahagian Pembangunan
Ahmad Muhaimin bin Abdullah	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C29	Bahagian Operasi I JAS JOHOR
Mohd Aidil bin Kamali	Penolong Jurutera	JA29	Bahagian Operasi III, JAS JOHOR
Mohd Rashid bin Judi	Penolong Jurutera	JA29	Bahagian Operasi II, JAS JOHOR
Mohd Hanizan bin Daud	Penolong Jurutera	JA29	Bahagian Operasi I, JAS JOHOR
Zulkifli bin Tukiman	Penolong Jurutera	JA29	Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang
Ismail bin Taman	Pembantu Operasi	H14	Bahagian Pentadbiran, JAS JOHOR

Jadual 2.8 : Senarai Penerima APC di JAS Johor bagi tahun 2018.



BAB 3

PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

2018

PEMROSESAN LAPORAN EIA

Penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) merupakan kehendak di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

Laporan EIA yang disediakan adalah penting bagi stakeholder yang terlibat untuk mengenalpasti impak-impak alam sekitar yang akan memberi kesan kepada alam sekitar di samping mencadangkan langkah-langkah kawalan yang relevan dan sesuai berkaitan impak alam sekitar tersebut demi memastikan pelaksanaan pembangunan projek tersebut tidak memberikan kesan ketara terhadap alam sekitar.


Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor telah menerima dan memproses sebanyak 31 laporan EIA dan 29 laporan TOR. Berdasarkan Graf 3.1, sebanyak 29 laporan TOR yang diterima, 90% daripadanya telah diluluskan dan hanya 10% tidak diluluskan. Merujuk kepada Graf 3.2 daripada 31 laporan EIA yang diterima dan diproses oleh Jabatan ini, 71% daripadanya telah diluluskan dan 23% ditolak tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan dan sebanyak 6% dibatalkan. Graf 3.3 menunjukkan, trend menurun berdasarkan jumlah laporan yang diterima pada tahun 2016 dan 2017 dan keseluruhan trend ini didapati menaik secara beransur-ansur pada tahun 2017 dan 2018. Faktor penguncupan ekonomi yang dialami oleh seluruh dunia telah menyebabkan kebanyakan projek yang tertakluk kepada kelulusan Laporan EIA tidak dapat dilaksanakan. Walaubagaimanapun trend itu dilihat kembali menurun secara mendadak pada tahun 2017 dengan penurunan sebanyak 64% secara purata keseluruhannya. Hal ini mungkin disebabkan oleh keperluan kelulusan laporan Terms of References (TOR) sebelum laporan EIA dihantar untuk diproses mengikut garis panduan terbaru iaitu 'EIA Guidelines in Malaysia'.



Graf 3.1 JAS Negeri Johor: Trend Penerimaan Laporan TOR bagi tahun 2018



Graf 3.2 JAS Negeri Johor: Trend Penerimaan Laporan EIA bagi tahun 2018



Graf 3.3 JAS Negeri Johor: Trend Penerimaan Laporan EIA dari tahun 2016 hingga tahun 2018

Selain itu, terdapat enam EIA Jadual Kedua yang turut diulas oleh Jabatan ini sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.1.

DAERAH	JUMLAH TERIMA	LULUS	TIDAK LULUS	TARIK BALIK
JOHOR BAHRU	1	-	1	-
KULAIJAYA	0	-	-	-
KOTA TINGGI	2	0	2	0
PONTIAN	0	-	-	-
LEDANG	0	-	-	-
KLUANG	0	-	-	-
SEGAMAT	0	-	-	-
MERSING	2	1	-	1
BATU PAHAT	0	-	-	-
MUAR	0	-	-	-
MALAYSIA-SINGAPURA	1	1	-	-
JUMLAH	6	2	3	1

Jadual 3.1 JAS Negeri Johor: Jumlah laporan EIA Terperinci yang diterima bagi tahun 2018

Berikut merupakan tajuk laporan EIA Jadual Kedua yang telah diproses bagi tahun 2018:

No	Tajuk Laporan
1	Proposed Development of Satellite Waste Management Centre Johor (SWMCJ) at PTD 2288 in Mukim Pantai Timur, District of Kota Tinggi, Johor for Cenviro Sdn. Bhd.
2	Rawa Island Resort di Lot 79, 80, 82 Dan 84 Pulau Rawa, Mukim Pulau Babi, Daerah Mersing, Johor Darul Takzim Untuk Kayangan Saksi Sdn. Bhd.
3	Proposed Development of Clinical Waste Thermal Treatment Plant at Tanjung Langsat, Johor
4	Proposed Upgrading Malaysia-Singapore Interconnection Project
5	Proposed Development of Satellite Waste Management Centre Johor (SWMCJ) at PTD 2288 in Mukim Pantai Timur, District of Kota Tinggi, Johor for Cenviro Sdn. Bhd.

Jadual 3.2 Tajuk Laporan EIA Jadual Kedua yang telah diproses bagi tahun 2018

Pecahan Laporan TOR mengikut daerah di negeri Johor sepanjang tahun 2018 adalah seperti di Jadual 3.3 . Daerah Johor Bahru mencatatkan bilangan aktiviti yang ditetapkan tertinggi dengan jumlah laporan sebanyak 15, diikuti daerah Kota Tinggi sebanyak 6 dan Segamat serta Muar masing-masing 2 laporan. Manakala, daerah Kulaijaya, Pontian, Kluang dan Mersing masing-masing 1 laporan TOR. Tiada laporan EIA bagi daerah Ledang dan Batu Pahat yang diterima dalam tahun 2018.

DAERAH	JUMLAH TERIMA	DISAHKAN	DITOLAK	DIBATALKAN
JOHOR BAHRU	15	13	2	0
KULAIJAYA	1	1	0	0
KOTA TINGGI	6	4	2	0
PONTIAN	1	1	0	0
LEDANG	0	0	0	0
KLUANG	1	1	0	0
SEGAMAT	2	2	0	0
MERSING	1	1	0	0
BATU PAHAT	0	0	0	0
MUAR	2	1	1	0
JUMLAH	29	24	5	0

Jadual 3.3 JAS Negeri Johor: Pecahan Laporan TOR Yang Diterima dan Dinilai Mengikut Daerah bagi tahun 2018

Pecahan Laporan EIA mengikut daerah di negeri Johor sepanjang tahun 2018 adalah seperti di Jadual 3.4 . Daerah Johor Bahru mencatatkan bilangan aktiviti yang ditetapkan tertinggi dengan jumlah laporan sebanyak 19, diikuti daerah Kota Tinggi sebanyak 5 dan Segamat sebanyak 2 laporan. Manakala, daerah Pontian, Kluang, Mersing, Batu Pahat dan Muar masing-masing 1 laporan EIA. Tiada laporan EIA bagi daerah Kulaijaya dan Ledang yang diterima dalam tahun 2018.

DAERAH	JUMLAH TERIMA	LULUS	TIDAK LULUS	TARIK BALIK
JOHOR BAHRU	19	9	8	2
KULAIJAYA	0	0	0	0
KOTA TINGGI	5	3	2	0
PONTIAN	1	1	0	0
LEDANG	0	0	0	0
KLUANG	1	1	0	0
SEGAMAT	2	2	0	0
MERSING	1	1	0	0
BATU PAHAT	1	1	0	0
MUAR	1	1	0	0
JUMLAH	31	19	10	2

Jadual 3.4 JAS Negeri Johor: Pecahan Laporan EIA Yang Diterima dan Dinilai Mengikut Daerah, bagi tahun 2018

Maklumat mengenai laporan TOR yang diproses serta status permohonan di Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dipecahkan mengikut jenis aktiviti di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2015 (Jadual 3.5). Laporan TOR di bawah Aktiviti 14 berkaitan aktiviti pengolahan dan pelupusan buangan, merupakan aktiviti yang terbanyak diterima iaitu sebanyak 14 laporan diikuti dengan aktiviti pembangunan estet perindustrian sebanyak 6 laporan, pembangunan bandar baharu 4 laporan, industri sebanyak 3 laporan, pertanian dan Pembinaan kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak dan perumahan masing-masing sebanyak 2 laporan. Penebusgunaan tanah & pengorekan, pembangunan di kawasan pantai dan bukit, pembangunan di kawasan cerun dan oembangunan bercampur masing –masing sebanyak 1 laporan.

Bil	Kod Aktiviti Yang Ditetapkan	Jenis Aktiviti	Bil. Laporan diterima	Disahkan	Tolak	Batal
1	1	Pertanian	2	2	0	0
2	7 & 15	Penebusgunaan tanah & pengorekan	1	1	0	0
3	16	Perumahan	2	2	0	0
4	17	Pembangunan estet industri	6	4	2	0
5	18	Bandar baharu	4	3	1	0
7	9	Pembinaan kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstroan minyak	2	2	0	0
8	13 & 18	Pembangunan di kawasan cerun dan pembangunan berampur	1	1	0	0
9	12	Pembangunan di kawasan pantai dan bukit	1	1	0	0
10	6	Industri	3	2	1	0
11	14	Pengolahan dan Pelupusan Buangan	14	12	2	1

Jadual 3.5 JAS Negeri Johor: Pecahan Laporan TOR Mengikut Aktiviti, 2018

Maklumat mengenai laporan EIA yang diproses serta status permohonan di Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dipecahkan mengikut jenis aktiviti di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2015 (Jadual 3.6). Laporan EIA di bawah Aktiviti 14 berkaitan aktiviti pengolahan dan pelupusan buangan merupakan aktiviti terbanyak diterima iaitu sebanyak 9 laporan diikuti dengan aktiviti pembangunan bandar baharu 7 laporan dan pembangunan estet industri sebanyak 6 laporan. Laporan EIA bagi Aktiviti perumahan dan pembinaan kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak adalah diterima masing-masing adalah sebanyak 2 laporan. Manakala, pertanian, penebusgunaan tanah & pengorekan, perhutanan, perlombongan, kuari dan penjanaan dan pemancaran kuasa masing-masing sebanyak 1 laporan.

Bil	Kod Aktiviti Yang Ditetapkan	Jenis Aktiviti	Bil. Laporan diterima	Lulus	Tidak Lulus	Tarik Balik
1	1	Pertanian	1	1	0	0
2	7 & 15	Penebusgunaan tanah & pengorekan	1	0	0	1
3	16	Perumahan	2	2	0	0
4	14	Pengolahan dan Pelupusan Buangan	9	6	2	1
5	17	Pembangunan estet industri	6	3	3	0
6	18	Bandar baharu	7	4	2	1
	5	Perhutanan	1	0	0	0
	8	Perlombongan	1	0	0	0
7	9	Pembinaan kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstroan minyak	2	0	0	0
9	6	Industri	2	1	1	0
10	19	Kuari	1	1	0	0
11	11	Penjanaan dan pemancaran kuasa	1	1	0	0

Jadual 3.6 JAS Negeri Johor: Pecahan Laporan EIA Mengikut Aktiviti, 2018

Gambar 3.1 JAS Negeri Johor: Gambar Lawatan tapak bersama penggerak, perunding dan agensi teknikal bagi penilaian EIA



Perancangan Dan Penilaian Alam Sekitar




LAPORAN TAHUNAN UNIT PENGUATKUASAAN EIA TAHUN 2018

Jadual 3.7: Jumlah Penguatkuasaan EIA Tahun 2018 (mengikut kategori)

Bil	Jenis aktiviti	Jumlah Pemeriksaan	Jumlah Notis Arahan	Kompaun	Kertas Siasatan Dibuka	Perintah Larangan
1	Kuari / Korek Pasir	11	9	7	-	-
2	Perumahan	4	4	-	-	-
3	Perindustrian	9	6	-	-	-
4	Infrastruktur	9	5	-	-	-
5	Pembangunan Bercampur	29	20	4	-	-
6	Pertanian	-	-	-	-	-
7	Perladangan	2	2	-	-	-
9	Perlombongan	1	1	-	-	-
10	Perhotelan	4	1	-	-	-
11	Penambakan	16	5	-	-	-
12	Program Pengawasan & Pemeriksaan Secara Penyelaman	4	1	-	-	-
13	Aduan Pencemaran	9	9	-	-	-
	JUMLAH	98	63	11	0	0

Graf 3.4: Jumlah Penguatkuasaan EIA Tahun 2018 mengikut aktiviti:




Berdasarkan Jadual 3.7 dan Rajah 3.5, jumlah keseluruhan pemeriksaan bagi Unit Penguatkuasaan EIA pada tahun 2018 adalah sebanyak 98. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 30% tumpuan penguatkuasaan melibatkan aktiviti Pembangunan Bercampur diiti 17% projek penambakan serta 11% bagi penguatkuasaan ke atas aktiviti kuari dan perlombongan pasir. Aduan pencemaran khususnya melibatkan aktiviti kerja tanah mencatatkan bilangan sebanyak 9 aduan berikutan peningkatan aktiviti pembangunan. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan kurangnya kesedaran di kalangan pemaju dan kontraktor untuk menyediakan langkah kawalan, Best Management Practices (BMPs) sebelum aktiviti kerja tanah dijalankan sehingga mengakibatkan terjadinya pencemaran alam sekitar.

Berdasarkan Jadual 3.7 juga, sebanyak 63 Notis Arahan dan 11 kompaun dikeluarkan kepada penggerak projek yang didapati telah melanggar syarat-syarat kelulusan Laporan EIA serta peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Selain daripada menjalankan aktiviti penguatkuasaan di tapak, Unit ini bertanggungjawab untuk menyemak Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan Laporan Audit Alam Sekeliling (bagi projek EIA di peringkat kerja tanah). Pada tahun 2018, jumlah Laporan EMP yang telah disemak oleh unit ini adalah sebanyak 44 laporan manakala sejumlah 102 laporan Audit Alam Sekeliling telah diberikan maklumbalas.

Unit penguatkuasaan EIA juga menjadi urusetia bagi Program Pembersihan Pantai dan Dasar Laut dari sisa E- Waste sempena Hari Alam Sekitar Sedunia peringkat Negeri Johor. Pada tahun 2018, program tersebut telah diadakan pada 22 – 24 Julai 2018 bertempat di Pulau Tinggi, Mersing. Program ini dijayakan dengan kerjasama diantara agen



Graf 3.5: Penguatkuasaan EIA dari tahun 2014 hingga 2018:

Graf 3.4 menunjukkan jumlah lawatan penguatkuasaan EIA yang telah dijalankan dari tahun 2014 hingga tahun 2018. Daripada jadual tersebut dapat diperhatikan peningkatan segi lawatan penguatkuasaan dari tahun 2015 tetapi mencatatkan penurunan pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini berlaku hasil penumpuan ke atas program pengawasan dan pemeriksaan secara menyelaman ke atas projek-projek EIA di Johor dan menyebabkan pengurangan ke atas pemeriksaan bagi aktiviti-aktiviti EIA yang telah diluluskan. Walaubagaimanapun, keadaan ini masih tidak menjejaskan sasaran yang ditetapkan dan dapat dilihat peningkatan yang konsisten bermula dari tahun 2017 hingga 2018.

**Gambar-Gambar Aktiviti Penguatkuasaan:
Penyediaan Best Management Practices (BMPs) yang berkesan;**



Gambar 3.2 Johor Bahru, Johor: Pemasangan 'rock revetment' di kawasan penambakan. Tirai kelodak dipasang bagi mengelakkan kelodakan melebihi had yang ditetapkan.



Gambar 3.3 Gelang Patah, Johor: 'Silt Fence' dipasang bagi mengelakkan kelodakan di dalam tapak mengalir keluar dari sempadan projek.



Gambar 3.4 Johor Bahru, Johor: Pembinaan 'Gabion Wall' dilapisi 'Geotextile' bagi mengawal hakisan dan kelodakan daripada terus memasuki alur air.



Gambar 3.5 Pasir Gudang, Johor: Aliran air dari tapak projek dialirkan ke kolam perangkap mendap. Cerun kolam perangkap mendap ditanam dengan tanaman tutup bumi serta aliran keluar dari kolam dibina dengan 'gabion wall' yang kukuh.

Contoh tiada penyediaan BMPs dan pemasangan BMPs yang tidak berkesan di tapak projek EIA.



Gambar 3.6 Kota Tinggi, Johor: Contoh pemasangan BMPs yang salah sehingga mengakibatkan aliran sedimen yang tidak terkawal mengalir keluar dari sempadan projek.



Gambar 3.7 Kota Tinggi, Johor: Tiada penyediaan BMPs di tapak megakibatkan aliran air keruh dan sedimen memasuki alur air berhampiran.



Gambar 3.8 Pengerang, Kota Tinggi: Aktiviti penambakan laut menggunakan tanah merah dan tiada penyediaan tirai kelodak.

Gambar 3.9 Sekitar Program Pembersihan Pantai dan Dasar Laut dari sisa E-Waste sempena Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Johor pada 22-24 Julai 2018.



**Program
Corporate Social
Responsibility (CSR)
Pulau Tinggi, Mersing
22 – 24 Julai 2018**

**Program Pembersihan Pantai dan Dasar
Laut dari Sisa E-waste Sempena Hari
Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri
Johor 2018**

**Program
Corporate Social Responsibility (CSR)
Pulau Tinggi, Mersing – Aktiviti Bersama Komuniti Pulau
Tinggi**



**Program
Corporate Social Responsibility (CSR)
Pulau Tinggi, Mersing – Aktiviti Air (Snorkeling)**



**Program
Corporate Social Responsibility (CSR)
Pulau Tinggi, Mersing – Aktiviti Pembersihan Pantai**



**Program
Corporate Social Responsibility (CSR)
Pulau Tinggi, Mersing – Aktiviti Pembelajaran**



**Program
Corporate Social Responsibility (CSR)
Pulau Tinggi, Mersing – Tong Pengumpulan E-Waste**



UNIT INPUT PEMBANGUNAN

Jabatan Alam Sekitar telah menggunakan *Environmental Essential for Siting of Industries in Malaysia*, EESIM 2017 bagi menggantikan *Guidelines for Siting and Zoning of Industries and Residential Areas* berkuatkuasa pada 22 Februari 2018. EESIM merupakan satu panduan baru yang lebih komprehensif dan praktikal bagi mengurus perdana elemen alam sekitar di mana impak-impak alam sekitar dikaji berdasarkan kepada jenis aktiviti pembangunan industri yang dicadangkan melalui keperluan teknologi dan alat kawalan yang berkesan dalam memastikan kesesuaian tapak cadangan pembangunan.

Bagi Negeri Johor, unit Input Pembangunan bertanggungjawab untuk memberikan ulasan teknikal terhadap permohonan Kebenaran Merancang, Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS), Permohonan Ubah Syarat Tanah dan Permohonan Lesen Perniagaan serta sebarang permohonan yang dirujuk bagi tujuan pembangunan industri atau lain-lain ketetapan pembangunan sama ada oleh pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau orang perseorangan. Aspek yang ditekankan di dalam Jabatan ini memberi ulasan adalah, tapak yang dicadangkan hendaklah selaras dengan zon gunatanah yang telah diwartakan di dalam Rancangan Tempatan Daerah serta penekanan terhadap penggunaan *Best Available Control Technology (BACT)* bagi memastikan pencemaran sama ada udara, air, bunyi bising dan buangan terjadual yang terhasil dapat dikawal dengan sebaiknya dan diambilkira diperingkat perancangan projek. Ulasan terhadap permohonan yang diterima akan diberikan dalam tempoh piagam yang ditetapkan iaitu 14 hari bekerja.

Dalam memberi input ulasan teknikal terhadap sesuatu permohonan yang diterima, pegawai-pegawai perlu mencari sumber rujukan sedia ada dan data-data alam sekitar yang berkaitan. Ini termasuklah dengan penggunaan GEOSpas-GIS, Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (EKAS), data-data pengawasan kualiti air sama ada sungai, pantai atau laut, Laporan Rancangan Fizikal Negara, Laporan Rancangan Struktur Negeri dan Laporan Rancangan Tempatan Daerah (RTD). Ini adalah untuk memastikan bahawa ulasan teknikal telah dibuat dengan menilai dari segala sudut selaras dengan bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar.


Pada tahun 2018, jumlah permohonan yang telah diterima oleh unit ini adalah sebanyak 2235 berbanding 2465 permohonan pada tahun 2017. Penurunan bilangan permohonan adalah dijangka berikutan ketetapan pihak Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat pada 6 Jun 2018 iaitu JAS tidak perlu dirujuk bagi permohonan Kebenaran Merancang yang tidak melibatkan keperluan penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Ketetapan ini turut terpakai bagi permohonan Kebenaran Merancang, Lesen Pendudukan Sementara, ubah syarat tanah dan permohonan lesen perniagaan yang bukan bertujuan industri dan yang tidak melibatkan keperluan penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling.

Sekiranya maklumat-maklumat sedia ada tidak komprehensif, maka siasatan tapak akan dijalankan bagi mendapatkan gambaran sebenar yang berlaku di tapak. Walaubagaimanapun, penggunaan maklumat dan teknologi ICT telah banyak membantu mengurangkan keperluan untuk menjalankan siasatan tapak dan penilaian dapat dibuat secara *desktop processing* sahaja.

Permohonan yang telah disemak akan disertakan syor oleh pegawai penilai dan seterusnya akan dibawa ke Jawatankuasa Penilaian Input Pembangunan yang bersidang sekurang-kurangnya dua kali sebulan untuk membincangkan dan membuat ketetapan terhadap sesuatu permohonan. Di dalam mesyuarat ini, input teknikal termasuk daripada pegawai penguatkuasaan dan cawangan akan diambil kira sebagai merit kepada pertimbangan permohonan.


Pencapaian piagam pelanggan bagi tahun semasa adalah 100 peratus. Pengekalan jumlah peratusan ini adalah disebabkan oleh komitmen yang diberikan oleh pegawai serta pemantauan berterusan daripada pihak pengurusan atasan.

Berikut adalah pelaporan pecahan permohonan yang diterima oleh Jabatan ini;




Graf 3.6 : Pecahan Permohonan Diterima Unit Input Pembangunan Sepanjang Tahun 2018

Jenis permohonan yang paling banyak diproses bagi tahun 2018 adalah permohonan Kebe- naran Merancang yang meliputi pembinaan perumahan, industri serta jenis-jenis pembangu- nan lain. Permohonan bagi lesen perniagaan adalah sebanyak 899 permohonan. Ini dikuti dengan permohonan kebenaran merancang sebanyak 749 permohonan, permohonan ubahsyarat tanah (370 permohonan) dan permohonan lesen pendudukan sementara (217 permohonan).



Graf 3.7: Jumlah Permohonan Diterima Unit Input Pembangunan Bagi Tahun 2013-2018



BAB 4
AKTIVITI
PENGUATKUASAAN
& KAWALAN
PENCEMARAN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

2018

4.1 KAWALAN TERHADAP PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) merupakan terma yang digunapakai bagi premis-premis industri atau kemudahan yang dilesenkan di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 untuk ianya beroperasi iaitu:


- i. kilang kelapa sawit mentah;
- ii. kilang getah asli mentah; dan
- iii. kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual.

i. Kilang Kelapa Sawit Mentah

Pada tahun 2018, sebanyak 64 buah kilang kelapa sawit mentah di Negeri Johor telah dilesenkan di bawah Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sepanjang tempoh daripada Januari sehingga Disember, sebanyak 510 pemeriksaan telah dijalankan ke atas semua kilang kelapa sawit yang dilesenkan tersebut. Daripada jumlah itu, tiga (3) buah premis telah dikenakan tindakan gantung lesen disebabkan ketidakpatuhan terhadap syarat lesen iaitu Jernih Kemboja Sdn Bhd, Bell Palm Industries Sdn Bhd dan Tai Tak Palm Oil Mill. Bilangan kilang mengikut pecahan kaedah pelepasan efluen yang dilesenkan adalah sepertimana berikut:

Bil.	Kaedah Pelupusan Efluen	Bilangan Kilang Kelapa Sawit
1.	Alur Air	27
2.	Alur Air (Pengairan Ladang/ Kompos)	1
3.	Alur Air/ Atas Tanah	7
4.	Atas Tanah	24
5.	Atas Tanah/ Kompos	5
JUMLAH		64

Jadual 4.1 : Bilangan kilang mengikut pecahan kaedah pelepasan efluen yang dilesenkan



Graf 4.1 : Bilangan Kilang mengikut pecahan kaedah pelepasan efluen yang dilesenkan




Gambar 4.1 : Lawatan Penguatkuasaan di kilang-kilang Kelapa Sawit

ii. Kilang Getah Asli Mentah

Pada tahun 2018, sebanyak 63 pemeriksaan telah dijalankan ke atas 14 buah kilang getah asli mentah yang dilesenkan di bawah Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pecahan jenis keluaran bagi kilang-kilang getah ini adalah sepertimana berikut:

Bil.	Jenis Keluaran	Bilangan Kilang Getah Asli Mentah
1.	<i>Latex Concentrate (LC)</i>	4
2.	<i>Standard Malaysian Rubber (SMR)</i>	10
JUMLAH 1		4

Jadual 4.2 : Bilangan Kilang-kilang Mengikut Pecahan Jenis Keluaran



Graf 4.2 : Bilangan Kilang Kelapa Getah Asli Mentah Mengikut Daerah, 2018



Gambar 4.2 : Lawatan Penguatkuasaan di kilang-kilang getah.

iii. Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual

Pada tahun 2018, sebanyak 71 lesen telah dikeluarkan ke atas premis yang berfungsi sebagai kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di bawah Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sebanyak 162 telah dijalankan ke atas premis-premis ini dan sebanyak 2 premis telah digantung lesen ekoran ketidakpatuhan terhadap syarat lesen yang ditetapkan iaitu Ye Chiu Non-Ferrous (M) Metal Sdn Bhd dan Shan Poornam Metals Sdn Bhd.

Bil.	Jenis Kemudahan	Bilangan Premis
1	Insinerator Buangan Terjadual	6
2	Kemudahan Pemerolehan Penuh Luar Tapak (e-Waste)	1
3	Kemudahan Pemerolehan Separa Luar Tapak(e-Waste)	19
4	Kemudahan Pengolahan Luar Tapak	1
5	Kemudahan Tapak Pelupusan Selamat	1
6	Pemerolehan Kembali Luar Tapak	37
7	Penstoran Luar Tapak	6
JUMLAH		71


Jadual 4.3 : Jenis lesen yang dikeluarkan ke atas kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual




Gambar 4.3 :Pemeriksaan ke atas kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual

4.2 KAWALAN TERHADAP PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Pada tahun 2018, sebanyak 2264 pemeriksaan telah dijalankan ke atas 1331 buah Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) yang terdiri daripada industri pembuatan, loji kumbahan, tapak pelupusan sampah, bengkel dan lain-lain.



Graf 4.3 : Bilangan inventori premis mengikut kategori



Graf 4.4 : Peratus pematuhan mengikut kategori premis




Gambar 4.4 :Aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi premis industri

4.3 TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Bagi mencapai matlamat ke arah pematuhan yang lebih baik, tindakan penguatkuasaan telah diambil supaya langkah-langkah pembaikan terus dapat dilaksanakan. Antara tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- Notis Arahan
- Tawaran kompaun;
- Tindakan mahkamah;
- Tahan kelengkapan/ operasi;
- Gantung lesen; dan
- Perintah Larangan



Graf 4.5 : Tindakan penguatkuasaan yang diambil bagi ketidakpatuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi tahun 2018



Graf 4.6 : Pecahan kompaun yang dikeluarkan mengikut seksyen/ peraturan berkaitan.



Gambar 4.5 : Proses penahanan operasi



Gambar 4.6 : Masalah penstoran produk yang tidak sistematik bagi aktiviti pembuatan baja secara konvensional

4.2 KAWALAN TERHADAP KENDERAAN BERMOTOR

OPERASI STATIK (OPS STATIK)

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 20 operasi static (Ops Statik) telah dijalankan di seluruh Negeri Johor.

Jadual 4.4 JAS Negeri Johor : Bilangan Operasi Statik Tahun 2016-2018

Tahun	Bilangan Operasi
2016	185
2017	36
2018	20

Jadual 4.5 JAS Negeri Johor : Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Enjin Diesel Tahun 2018

Bilangan Operasi	Diperhati	Ditahan/Diuji	Dikompaun	Perintah Larangan
15	445	55	4	0

Jadual 4.6 JAS Negeri Johor : Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Enjin Diesel Tahun 2016-2018

Program Penguatkuasaan Tahun	Bilangan Operasi	Pemantauan	Diuji	Dikompaun	Perintah Larangan
2016	185	25429	1019	31	2
2017	136	16741	119	4	0
2018	15	1851	55	4	0

Operasi Catat (OPS Catat)

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 190 operasi mencatat nombor kenderaan melepaskan asap hitam telah dilaksanakan. Ops Catat ini juga dijalankan menggunakan video bagi merakam kenderaan yang dikesan melepaskan asap hitam. Daripada 190 operasi ini sebanyak 242 kenderaan telah diberikan surat pemberitahuan untuk menjalankan ujian pelepasan asap hitam. Ujian pelepasan asap hitam ini dijalankan di Pusat Pengujian PUSPAKOM dari 9.00 pagi hingga 1,00 petang seperti Jadual 5 di bawah :-

Jadual 4.7 JAS Negeri Johor : Ujian Pelepasan Asap Hitam Di PUSPAKOM

PUSPAKOM	Hari
Johor Bahru dan Muar	Selasa
Pasir Gudang dan Batu Pahat	Rabu
Kluang	Khamis

Operasi Di Linkedua Malaysia-Singapura

Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah menjalankan sebanyak 13 operasi pemeriksaan ke atas kenderaan yang masuk ke Singapura dari Malaysia. Disamping memantau pelepasan asap kenderaan, operasi ini dapat membanteras kemasukan Buangan Terjadual dengan cara yang tidak sah ke Malaysia.

Kawalan Pelepasan Gas CO/HC

Kawalan pelepasan gas CO/HC adalah daripada motosikal. Penguatkuasaan kawalan pelepasan gas CO/HC daripada motosikal adalah seperti Jadual 4.8 di bawah :-

Jadual 4.8 JAS Negeri Johor : Penguatkuasaan Pelepasan Gas CO/HC Daripada Motosikal Tahun 2018

Bilangan Operasi	Diuji	Dikompaun
1	5	0

Kawalan Bunyi Bising Daripada Motosikal

Pada tahun 2018, sebanyak 8 operasi penguatkuasaan bunyi bising motosikal telah dijalankan, Penguatkuasaan pelepasan bunyi bising daripada motosikal adalah seperti Jadual 4.9 di bawah :-

Jadual 4.9 JAS Negeri Johor : Penguatkuasaan Bunyi Bising Daripada Motosikal Tahun 2018

Bilangan Operasi	Diuji	Tidak Patuh
8	27	25

PROGRAM PEMERIKSAAN KE ATAS KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL) DAN FLEET OPERATOR (FO)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor turut menjalankan pemeriksaan ke atas Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) dan Fleet Operator (FO). Pada tahun 2018, sebanyak 9 buah KYDL dan 21 FO telah diperiksa. Melalui pemeriksaan yang dijalankan, sebanyak 15 notis arahan di bawah Seksyen 31 dan 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling telah dikeluarkan ke atas pemilik FO untuk menyelenggara kenderaan mereka, menyediakan dan mengemaskini buku log maklumat kenderaan dan rekod ujian asap hitam setiap kenderaan serta kompaun sebanyak 31 kes di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

4.3 LAPORAN TAHUNAN

UNIT KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK

Unit Kontigensi Tumpahan Minyak Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor ditubuhkan untuk mengendalikan hal ehwal berkaitan pencemaran marin yang melibatkan aktiviti penguatkuasaan marin di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 atau tidak bersifat aktiviti penguatkuasaan seperti penganjuran latihan, seminar, table top dan sebagainya. Bagi aktiviti penguatkuasaan marin, Unit Kontigensi berfungsi dalam menyiasat punca-punca kepada berlakunya pencemaran marin seperti tumpahan minyak, aktiviti pembuangan minyak dan aktiviti yang melibatkan buangan terjadual di atas kapal.

Aktiviti Penguatkuasaan

Rondaan laut, pantai dan pemeriksaan kapal adalah di antara kerja-kerja utama di dalam menjalankan penguatkuasaan marin. Bagi rondaan laut dan pemeriksaan kapal, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mendapat kerjasama daripada Agensi Penguatkuasaan Marin Malaysia (APMM) dari segi penggunaan aset (bot laju) dan anggota APMM (krew bot). Manakala bagi rondaan pantai, ianya dijalankan menggunakan aset dan anggota JAS Johor sendiri.

Pada tahun 2018, sebanyak 18 rondaan laut, 30 rondaan pantai, 40 pemeriksaan kapal dan 13 siasatan ke atas penerimaan aduan pencemaran marin telah dijalankan. Liputan kawasan rondaan laut adalah dengan memberi tumpuan di sekitar perairan Pengerang dan selat Johor sehingga ke Pontian dengan jumlah keseluruhan 174 km. Tumpuan diberikan di perairan ini memandangkan sebahagian besar kapal melalui atau berlabuh sebelum memasuki Pelabuhan Johor dan Tg. Langsat di Pasir Gudang dan Pelabuhan Tg Pelepas di Pontian atau belayar menggunakan laluan Selat Johor untuk ke utara serta aktiviti perkapalan yang berpotensi menyebabkan pencemaran marin seperti bunkering, pencucian tangki dan dek kapal juga dijalankan di kawasan ini.

Seminar PTPP

Seminar PTPP tidak dianjurkan sepanjang tahun 2018, kerana

Pengaktifan Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP)

Sepanjang tahun 2018, tiada pengaktifan Pelan Tindakan Pembersihan Pantai dilaksanakan kerana tiada tumpahan berlaku.

AKTIVITI PENGUATKUASAAN MARIN




Gambar 4.7 : Rondaan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sepanjang tahun 2018

4.4 ADUAN DAN PEMBAKARAN TERBUKA

ADUAN

Pada tahun 2018, sejumlah 860 aduan pencemaran alam sekitar telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor. Sebanyak 507 kes aduan yang disiasat adalah didalam bidangkuasa manakala 353 kes lagi tidak berasas dan di luar bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar. Aduan yang di luar bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar telah dirujuk kepada agensi lain yang berkaitan.



Graf 4.7: Kes Aduan diterima mengikut kategori

Kategori Aduan		Bilangan Kes Aduan		
		Tahun		
		2016	2017	2018
1.	Udara	516	508	635
2.	Air	102	78	94
3.	Buangan Terjadual	14	6	30
4.	Bunyi Bising	12	21	26
5.	Tanah	1	5	4
6.	Gegaran	1	2	1
7.	Tumpahan Minyak	25	22	20
8.	Lain-Lain	53	43	50
Jumlah Kes Aduan		724	685	860

Jadual 4.10 JAS Negeri Johor : Kategori Kes Aduan Yang Diterima 2016-2018

Kes aduan yang melibatkan udara menunjukkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 635 kes diikuti aduan air sebanyak 94 kes serta 50 kes aduan dalam kategori lain-lain.

Tindakan penguakuasaan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor ialah dengan mengeluarkan sebanyak 24 notis arahan dan 37 kompaun serta 1 kes untuk Tindakan Mahkamah. Selain itu, tindakan-tindakan lain yang diambil adalah 92 amaran, 234 surat arahan, 85 dirujuk ke agensi-agensi lain dan sebanyak 131 kes dalam pemantauan dari masa ke semasa.

Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka Dan Hotspot

Sebanyak 910 rondaan mencegah pembakaran terbuka telah dijalankan di seluruh Negeri Johor. Rondaan mencegah pembakaran terbuka telah dijalankan oleh Unit Aduan dan Pejabat-
Pejabat Cawangan Jabatan Alam Sekitar.

Selain daripada itu, sebanyak 19 data titik panas (hotspot) telah diterima dan daripada jumlah ini sebanyak 5 hotspot mempunyai kesan/pembakaran manakala yang lainnya tidak dapat dikesan atau tiada jalan masuk.



Gambar 4.8 JAS Negeri Johor : Penyiasatan Terhadap Aduan Yang Diterima



Gambar 4.9 JAS Negeri Johor : Banner Larangan Pembakaran Terbuka Untuk Hebahan Umum

Program Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut

Bagi menangani pembakaran terbuka yang mungkin berlaku di kawasan-kawasan berisiko tinggi terutamanya di tanah gambut, JAS Negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah membina sebanyak 65 check dam geobag, 10 check dam konkrit dan 14 tube well di seluruh Negeri Johor .

Kemudahan check dam geobag daerah Muar mempunyai 14 unit, Batu Pahat 10 unit, Mersing 13 unit, Pontian 13 unit dan Kota Tinggi 15 unit.

Kemudahan check dam konkrit daerah Muar mempunyai 5 unit, dan 5 unit lagi di Kota Tinggi.

Kemudahan tube well di daerah Muar mempunyai 5 unit, Kota Tinggi 6 unit, Ledang 1 unit dan 2 unit lagi daerah Mersing .

Check dam berfungsi untuk untuk mengawal paras air dan melembapkan kawasan tanah gambut manakalan tube well berfungsi sebagai sumber bekalan air tambahan untuk menyalurkan air ke parit. Air di dalam tube well dan air yang disekat di dalam check dam juga boleh digunakan sebagai bekalan air untuk memadam kebakaran oleh Jabatan Bomba.



Gambar 4.10 JAS Negeri Johor : Check Dam Geobag



Gambar 4.11 JAS Negeri Johor : Check Dam Konkrit



Gambar 4.12 JAS Negeri Johor : Tube well

Pada 04 Oktober 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mengadakan Latihan Uji Cuba Prosedur Tetap Operasi Bagi Mencegah Pembakaran Tanah Gambut di Parit Juno, Air Hitam, Muar. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar Dan Pertanian Negeri Johor telah sudi melancarkan program tersebut. Antara agensi-agensi lain yang terlibat dengan program ini adalah Pejabat Daerah Muar, Majlis Daerah Muar, JKR Muar, JPS, JMG, Jabatan Bomba, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kesihatan, APM, PDRM, Penghulu dan RELA yang melibatkan juga penduduk kampung berhampiran. Tujuan utama diadakan program ini adalah untuk memastikan tahap kesiapsiagaan setiap agensi yang terlibat dan sentiasa berada dalam tahap terbaik dalam pencegahan kebakaran tanah gambut dan mengikut ketetapan Garispanduan Prosedur Tetap Operasi (PTO) Bagi Mencegah Pembakaran Tanah Gambut apabila PTO ini diaktifkan kelak.



**Gambar 4.13 JAS Negeri Johor :
Majlis Perasmian Latihan Uji Cuba PTO Kebakaran Tanah Gambut**



**Gambar 4.14 JAS Negeri Johor :
Para Hadirin Latihan Uji Cuba PTO Kebakaran Tanah Gambut**



**Gambar 4.15 JAS Negeri Johor :
Tetamu Kenamaan Meninjau Latihan Uji Cuba PTO Kebakaran Tanah Gambut**



**Gambar 4.16 JAS Negeri Johor :
Para Hadirin Melihat Sendiri Latihan Uji Cuba PTO Kebakaran Tanah Gambut Kebakaran
Tanah Gambut**

Permohonan Pembakaran Terbuka

Bagi permohonan kelulusan bertulis pembakaran terbuka sebanyak 35 permohonan diterima dan 29 permohonan dibenarkan. Permohonan yang tidak dibenarkan adalah bagi permohonan yang tidak tertakluk di bawah aktiviti yang diisytiharkan sepertimana Perintah Kualiti Alam Sekitar (Aktiviti yang Diisytiharkan)(Pembakaran Terbuka) 2003, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



Gambar 4.17 JAS Negeri Johor : Tapak permohonan pembakaran terbuka ladang nanas

Papan Tanda Larangan Pembakaran Terbuka

Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah menerima peruntukan sebanyak RM untuk tambahan pemasangan papan tanda amaran larangan terbuka. Sebanyak 14 papan tanda larangan pembakaran terbuka telah ditambah. Bilangan pemasangan papan tanda mengikut daerah Johor Bahru mempunyai 27, Batu Pahat 18, Muar 20, Kota Tinggi 21 dan Kluang/Mersing 18.



Gambar 4.18 JAS Negeri Johor : Pemasangan Amaran Papan Tanda Larangan Pembakaran Terbuka

4.5 LAPORAN TAHUNAN UNIT NOTIFIKASI TAHUN 2018

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah menubuhkan Unit Notifikasi pada 1 Jun 2017 dan dianggotai oleh empat (4) orang pegawai. Penubuhan unit ini adalah untuk memproses pemberitahuan bertulis dan perisytiharan bertulis sistem kawalan pencemaran udara, pemberitahuan bertulis dan akuan bertulis sistem pengolahan efluen perindustrian, pemberitahuan bertulis sistem pengolahan kumbahan serta pemberitahuan bertulis sistem pengolahan larut resapan.

Sistem Kawalan Pencemaran Udara

Pemberitahuan bertulis bagi pembinaan baru, peningkatan kecekapan, perubahan material dalam kuantiti atau kualiti pengeluaran serta pengubahsuaian sistem kawalan pencemaran udara tertakluk di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Dokumen panduan bagi memproses pemberitahuan bertulis sistem kawalan pencemaran udara adalah *Guidance Document for Fuel Burning Equipments and Air Pollution Control Systems, American Conference of Governmental Industrial Hygienists (ACGIH)* atau rujukan lain.

Semakan terperinci ke atas dokumen pemberitahuan bertulis sistem kawalan pencemaran udara adalah untuk memastikan pembinaan sistem tersebut mematuhi nilai batas di bawah Peraturan 13 dan Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dengan mengenalpasti punca pencemar udara yang dihasilkan melalui operasi di premis, pengiraan rekabentuk sistem pengudaraan, pengiraan rekabentuk alat kawalan pencemaran udara, peralatan bagi menjalankan pemantauan prestasi serta kecekapan dan kesesuaian alat kawalan pencemaran udara bagi mengawal pencemar udara.

Perisytiharan bertulis bagi mengesahkan rekabentuk dan pembinaan sistem kawalan pencemaran udara telah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan lukisan sebagaimana binaan yang menunjukkan kedudukan sistem tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga puluh hari (30) selepas permulaan operasi di premis sebagaimana Peraturan 7(5) dan Peraturan 7(6), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian

Pemberitahuan bertulis bagi pembinaan baru, perubahan material dalam kuantiti atau kualiti pembuangan, peningkatan sistem pengolahan efluen perindustrian dan perubahan kelengkapan atau mesin tertakluk di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Dokumen panduan bagi memproses pemberitahuan bertulis sistem pengolahan efluen perindustrian adalah *Guidance Document on the Design and Operation of Industrial Effluent Treatment Systems*.

Semakan terperinci ke atas dokumen pemberitahuan bertulis sistem pengolahan efluen perindustrian adalah untuk memastikan pembinaan sistem pengolahan efluen perindustrian mematuhi had di bawah Peraturan 11 dan Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dengan mengenalpasti punca efluen perindustrian yang dihasilkan melalui operasi di premis, pengiraan rekabentuk, peralatan bagi menjalankan pemantauan prestasi serta kecekapan dan kesesuaian unit operasi dan unit proses bagi mengolah parameter signifikan.

Akuan bertulis bagi memperakui rekabentuk dan pembinaan sistem pengolahan efluen perindustrian telah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan lukisan sebagaimana binaan yang menunjukkan penempatan sistem tersebut hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada tiga puluh hari (30) dari tarikh premis memulakan operasi sebagaimana Peraturan 5(3) dan Peraturan 5(4), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.


Semakan terperinci yang dijalankan di peringkat pemberitahuan dan perisytiharan / akuan bertulis sistem kawalan pencemaran udara dan sistem pengolahan efluen perindustrian merupakan langkah awal pemunya premis mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 bagi mengadakan peralatan dan menjalankan pemantauan prestasi dan mengadakan orang yang berwibawa bagi pengendalian dan pengawasan setiap masa sistem tersebut beroperasi.

Lukisan sebagaimana binaan yang menunjukkan rekabentuk dan pembinaan sistem kawalan pencemaran udara dan sistem pengolahan efluen perindustrian mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dapat membantu pegawai-pegawai di bahagian penguatkuasaan untuk menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas premis serta mengenalpasti sekiranya terdapat pengubahsuaian ke atas sistem tersebut.

Sistem Pengolahan Kumbahan Dan Sistem Pengolahan Larut Resapan

Pemberitahuan bertulis bagi pembuangan atau pelepasan kumbahan tertakluk di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Pemberitahuan bertulis bagi menjalankan kerja di atas stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah dan membina kemudahan yang menyebabkan punca baru pembuangan atau pelepasan larut resapan tertakluk di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009.




Graf 4.8 : Pemberitahuan Bertulis Tahun 2017 & 2018

Graf di atas menunjukkan bilangan surat ambil maklum / perakuan pemberitahuan bertulis yang dikeluarkan oleh Jabatan ini bagi sistem pengolahan kumbahan, sistem pengolahan larut resapan, sistem pengolahan efluen perindustrian, janakuasa, sistem kawalan pencemaran udara dan sistem pembakaran bahan api.

Sebanyak 448 surat ambil maklum / perakuan pemberitahuan bertulis telah dikeluarkan pada tahun 2017 bermula 1 Jun sehingga 31 Disember 2017, manakala sebanyak 652 surat ambil maklum / perakuan pemberitahuan bertulis telah dikeluarkan pada tahun 2018 bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2018.

Bilangan surat yang dikeluarkan adalah mengikut pematuhan kepada senarai semak pemberitahuan bertulis dan garis panduan yang ditetapkan.



Graf 4.9 : Akuan / Perisytiharan Bertulis Tahun 2017 & 2018

Graf di atas menunjukkan bilangan surat ambil maklum / perakuan perisytiharan bertulis yang dikeluarkan oleh Jabatan ini bagi sistem pengolahan efluen perindustrian, janakuasa, sistem kawalan pencemaran udara dan sistem pembakaran bahan api.

Sebanyak 290 surat ambil maklum / perakuan perisytiharan bertulis telah dikeluarkan pada tahun 2017 bermula 1 Jun sehingga 31 Disember 2017, manakala sebanyak 229 surat ambil maklum / perakuan perisytiharan telah dikeluarkan pada tahun 2018 bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2018.

Bilangan surat yang dikeluarkan adalah mengikut pematuhan kepada senarai semak perisytiharan bertulis dan garis panduan yang ditetapkan.




BAB 5
PENDAKWAAN
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR
2018

LAPORAN TAHUNAN UNIT PENDAKWAAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2018

1.0 FUNGSI UNIT

- 1.1 Meneliti dan menyemak kertas siasatan yang disediakan oleh pegawai-pegawai penyiasat sebelum ianya dihantar ke Pejabat Yang Arif Timbalan Pendakwaraya atau Penasihat Undang-undang Jabatan Alam Sekitar atau Jabatan Peguam Negara untuk arahan lanjut dan izin mendakwa;
- 1.2 Memfailkan kes di seluruh Mahkamah Sesyen Negeri Johor.
- 1.3 Mengendalikan pendakwaan keatas pesalah-pesalah jenayah alam sekitar yang menyalahi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di Mahkamah-Mahkamah Sesyen seluruh Negeri Johor.
- 1.4 Skop tugas adalah:
 - i. Menyemak kertas siasatan yang dibuka oleh pegawai penyiasat;
 - ii. Membantu pegawai penyiasat untuk berhubung dengan Yang Arif Timbalan Pendakwaraya atau Penasihat Undang-undang Jabatan Alam Sekitar atau Jabatan Peguam Negara;
 - iii. Mengendalikan sebutan kes dan pengurusan kes di mahkamah;
 - iv. Mengendalikan kes perbicaraan di mahkamah;
 - v. Menguruskan representasi kes yang dikemukakan oleh tertuduh;
 - vi. Membantu pegawai penyiasat untuk berhubung dengan Mahkamah jika perlu dan hal ehwal kertas siasatan;
 - vii. Mengemaskini data mahkamah dan menyediakan laporan pendakwaan.

2.0 STRUKTUR ORGANISASI UNIT



Rajah 5.1: Struktur Organisasi Unit

3.0 KES PERBICARAAN

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 5 kes jenayah alam sekitar telah melalui proses perbicaraan di Mahkamah Sesyen Negeri Johor. Kes-kes tersebut melibatkan kesalahan pelanggaran syarat penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) iaitu di bawah Seksyen 34A (7) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan kesalahan mengimport buangan terjadual buangan elektronik dan elektronik (e-waste) dari Singapura di bawah Seksyen 34B(1) & 42, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Buat pertama kali di Mahkamah Sesyen Negeri Johor Bahru 2 orang penjenayah alam sekitar telah dijatuhkan hukuman penjara.

4.0 KERTAS SIASATAN

Sebanyak 2 kertas siasatan telah di buka bagi kesalahan pelanggaran keatas Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pada tahun 2018 iaitu bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka dan kesalahan melepaskan asap hitam melebihi piawai daripada kenderaan berenjin diesel.

5.0 KES SELESAI


Sebanyak 27 kes telah diselesaikan pada tahun 2018 di mana ia merangkumi kes-kes yang telah didaftarkan di mahkamah pada tahun 2017 dan kes-kes yang dibuka pada tahun-tahun sebelumnya. Jumlah keseluruhan kutipan denda bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM 330 000.00.

6.0 KES DNAA & NFA

Terdapat juga kes dimana pesalah alam sekitar dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah (DNAA) dan kes yang diputuskan tidak diteruskan oleh Yang Arif Timbalan Pendakwaraya (NFA) bagi tahun 2018 iaitu sebanyak 22 kes di mana antara sebabnya adalah kegagalan menyempurnakan saman kepada tertuduh, kesalahan yang boleh digantikan dengan kompaun, representasi tertuduh diterima dan tertuduh meninggal dunia.


7.0 PERBANDINGAN KES MAHKAMAH DIDAFTARKAN DARI TAHUN 2016 SEHINGGA 2018

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mendaftarkan sejumlah 33 kes di Mahkamah Sesyen di seluruh Negeri Johor dari tahun 2016 hingga 2018 seperti Graf 5.1.



Graf 5.1: Kes yang didaftarkan di Mahkamah dari tahun 2016 hingga 2018

8.0 KES MAHKAMAH YANG SELESAI DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 2018



Graf 5.2: Bilangan kes mahkamah selesai dari tahun 2008 hingga 2018

Graf 5.2 pula menunjukkan bilangan kes yang diselesaikan di mahkamah dari tahun 2008 hingga 2018. Sepanjang 10 tahun Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah menyelesaikan sebanyak 890 kes merangkumi pelbagai kesalahan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 diantaranya premis yang ditetapkan tidak patuh syarat lesen [Seksyen 16(1)], premis yang ditetapkan beroperasi tanpa lesen [Seksyen 18(1)], pembakaran terbuka [Seksyen 29A(1)], pelepasan asap hitam melebihi standard [Seksyen 22(1)], pelepasan effluent melebihi standard [Seksyen 25(1)], buangan terjadual [Seksyen 34B], penilaian kesan kepada alam sekeliling [Seksyen 34A], pencemaran tanah tanih [Seksyen 24(1)], melanggar notis [Seksyen 31(1)], Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan pemunya dan penduduk hendaklah memberi maklumat [Seksyen 37]. Bermula tahun 2009, kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 boleh dikompaun maka kes mahkamah telah mula berkurangan. Selain itu, bagi penguatkuasaan yang berkesan dan segera kaedah penahanan operasi dan penggantungan lesen turut dijalankan keatas premis-premis yang melakukan pencemaran yang serius dan memudaratkan orang awam dan jujuk alam sekitar yang sensitif.





BAB 6

PENGAWASAN

KUALITI ALAM

SEKITAR

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR


2018

PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR

Pengawasan Kualiti Udara

Jabatan Alam Sekitar memantau kualiti udara melalui rangkaian stesen pengawasan kualiti udara bagi mengesan sebarang perubahan ketara dalam kualiti udara yang mungkin memudaratkan kesihatan manusia dan alam sekitar. Pengawasan kualiti udara di sekitar negeri Johor dijalankan dengan menggunakan dua (2) jenis stesen pengawasan iaitu stesen pengawasan kualiti udara automatik (Continuous Air Quality Monitoring ,CAQM) dan stesen pengawasan kualiti udara manual (Manual Air Quality Monitoring, MAQM).

Status kualiti udara sepanjang tahun 2018 di Negeri Johor dipantau melalui bacaan secara real time di sembilan (9) stesen pemantauan kualiti udara automatik. Selain itu, status kualiti udara ini turut dipantau melalui stesen pengawasan kualiti udara manual dengan menggunakan alat High Volume Sampler (HVS) yang dipasang secara tetap di tiga (3) lokasi iaitu di Gelang Patah, Pasir Gudang dan Batu Pahat.



Peta 6.1 : Lokasi Stesen Pemantauan Kualiti Udara (CAQM) di Negeri Johor, 2018.



Gambar 6.1: Stesen Pemantauan Kualiti Udara Manual (MAQM) di PUSPATRI Pasir Gudang, Johor.



Gambar 6.2 : Stesen Pemantauan Kualiti Udara Automatik (CAQM) di SK Lepau, Pengerang, Johor.

Pada 17 Mac 2018, Majlis Perasmian Stesen Pengawasan Kualiti Udara di Tangkak telah disempurnakan oleh Y.B. Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Stesen pengawasan kualiti udara automatik di Tapak Semaian Majlis Daerah Tangkak telah mula beroperasi sepenuhnya bermula 13 Mac 2018, iaitu selepas proses pemindahan stesen tersebut pada 12 Mac 2018. Sebelum itu, stesen tersebut telah beroperasi di Kolej Vokasional Muar.



Gambar 6.3 : Stesen Pengawasan Kualiti Udara di Tapak Semaian Majlis DaerahTangkak.




Gambar 6.4 :
Majlis Perasmian Stesen Pengawasan Kualiti Udara di Tangkak.



Gambar 6.5 :
Keadaan di dalam Stesen Pengawasan Kualiti Udara di Tangkak.


Pengukuran kualiti udara di stesen CAQM adalah berdasarkan kepada kandungan habuk bersaiz kurang dari 10 mikron (PM10) dan habuk bersaiz kurang dari 2.5 mikron (PM2.5) serta pencemar-pencemar lain seperti sulfur dioksida (SO2), nitrogen dioksida (NO2), ozon (O3), dan karbon monoksida (CO). Parameter-parameter ini akan membentuk Indeks Pencemar Udara (IPU) dan statusnya akan dilaporkan dalam lima (5) kategori iaitu baik (0-50), sederhana (51-100), tidak sihat (101-200), sangat tidak sihat (201-300) dan berbahaya (>300). Sepanjang tahun 2018, purata cerapan Indeks Pencemaran Udara adalah pada tahap sihat dan sederhana bagi keseluruhan negeri Johor.



Graf 6.1 : Bacaan Indeks Pencemaran Udara Di Stesen CAQM Johor, 2018.


*Stesen Pengawasan Kualiti Udara di Muar telah di pindahkan ke Tangkak pada bulan Mac 2018.

*Kerja perpindahan stesen yang dijalankan pada Mac 2018 mengakibatkan sebahagian data tidak diperolehi.




Graf 6.2 : Bacaan Indeks Pencemaran Udara Di Stesen MAQM Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor, 2018.

MA10J - GELANG PATAH



Graf 6.3 : Bacaan Indeks Pencemaran Udara Di Stesen MAQM Sek. Men. Keb. Gelang Patah, Johor, 2018.

MA11J - PASIR GUDANG



Graf 6.4 : Bacaan Indeks Pencemaran Udara Di Stesen MAQM PUSPATRI Pasir Gudang, Johor, 2018.

Pengawasan Kualiti Air Sungai

Pengawasan kualiti air sungai di negeri Johor melibatkan dua (2) jenis stesen pengawasan iaitu stesen pengawasan automatik (*Continuous River Water Quality Monitoring, CRWQM*) dan stesen pengawasan kualiti manual (*Manual River Water Quality Monitoring, MRWQM*). Bagi tahun 2018, pengawasan kualiti air sungai telah dijalankan ke atas 23 lembangan sungai yang merangkumi 126 batang sungai. Indeks Kualiti Air (IKA) atau '*Water Quality Index (WQI)*' digunakan sebagai asas dalam menentukan kadar pencemaran dan pengkelasan sungai-sungai tersebut.

Pengawasan kualiti air sungai bagi keseluruhan negeri Johor adalah melibatkan 227 stesen pengawasan manual dan 4 stesen pengawasan automatik. Stesen pengawasan kualiti air sungai automatik bagi Negeri Johor terletak di Sungai Segamat, Sungai Muar, Sungai Johor dan Sungai Skudai setiap satunya dan ia dapat memberikan bacaan setiap 30 minit. Manakala stesen pengawasan kualiti air sungai manual melibatkan kerja persampelan di lapangan yang dijalankan sebanyak enam (6) kali setahun.



Gambar 6.6 : Stesen pengawasan kualiti air sungai automatik beserta deployment bagi Sungai Muar (intake Panchor), Johor.

Pengiraan WQI adalah berdasarkan kepada enam parameter utama iaitu Kepekatan Oksigen Terlarut (DO), Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD), Ammoniacal Nitrogen (AN), Pepejal Terampai (SS) dan pH.

PARAMETER (mg/L)	JULAT INDEKS				
	KELAS I	KELAS II	KELAS III	KELAS IV	KELAS V
Ammonikal Nitrogen (NH ₃ -N)	< 0.1	0.1 - 0.3	0.3 - 0.9	0.9 - 2.7	> 2.7
Keperluan Oksigen Bio-kimia (BOD)	< 1	1 - 3	3 - 6	6 - 12	> 12
Keperluan Oksigen Kimia (COD)	< 10	10 - 25	25 - 50	50 - 100	> 100
Oksigen Terlarut (DO)	< 7	5 - 7	3 - 5	1 - 3	< 1
pH	< 7	6 - 7	5 - 6	< 5	< 5
Pepejal Terampai (SS)	< 25	25 - 50	50 - 150	150 - 300	> 300
Indeks Kualiti Air (WQI)	> 92.7	76.5 - 92.7	51.9 - 76.5	31.0 - 51.9	< 31

Jadual 6.1 : Klasifikasi Indeks Kualiti Air

PARAMETER (mg/L)	JULAT INDEKS		
	TERCEMAR	SEPARA TERCEMAR	BERSIH
Ammonikal Nitrogen (NH ₃ -N)	0 - 70	71 - 91	92 - 100
Keperluan Oksigen Bio-kimia (BOD)	0 - 79	80 - 90	91 - 100
Pepejal Terampai (SS)	0 - 69	70 - 75	76 - 100
Indeks Kualiti Air (WQI)	0 - 59	60 - 80	81 - 100

Jadual 6.2 : Status Kualiti Air Berdasarkan Indeks Kualiti Air


KELAS	KEGUNAAN AIR BERFAEDAH
KELAS 1	Pemuliharaan persekitaran semulajadi.
	Bekalan air 1 - Secara praktikal rawatan tidak diperlukan.
	Perikanan I - Spesies akuatik yang sangat sensitif.
KELAS II	Bekalan air II - Rawatan konvensional diperlukan.
	Perikanan II - Spesies akuatik yang sensitif.
	Kegunaan rekreasi yang melibatkan penyentuhan badan.
KELAS III	Bekalan air III - Rawatan menyeluruh diperlukan.
	Perikanan III - Biasa mempunyai nilai ekonomi dan toleransi sederhana.
	Air minum ternakan.
KELAS IV	Pengairan.
KELAS V	Selain dari kegunaan yang disenaraikan di atas.

Jadual 6.3 : Status Kualiti Air Berdasarkan Indeks Kualiti Air


Bagi tahun 2018, berdasarkan pengawasan kualiti air sungai yang telah dijalankan, sebanyak 51 batang sungai dikategorikan sebagai bersih, 48 batang sungai sederhana tercemar dan 27 batang sungai tercemar.

Manakala mengikut pengelasan indeks kualiti air, daripada keseluruhan 102 sungai tersebut, didapati 2 sungai dalam kelas I, 61 sungai dalam Kelas II, 49 sungai dalam Kelas III, 11 sungai dalam Kelas IV dan 3 sungai berada dalam Kelas V.

Secara keseluruhannya, bila dibandingkan data pengawasan kualiti air sungai bagi 2018 dan 2017, didapati bahawa terdapat sedikit penambahbaikan dari segi kualiti air bagi kebanyakan sungai di negeri Johor. Walau bagaimanapun, terdapat juga kemerosotan kualiti air bagi beberapa sungai di Lembangan Sungai Danga, Lembangan Sungai Kempas dan Lembangan Sungai Tebrau.



Graf 6.5: Perbandingan Sungai Mengikut Kategori, 2017-2018



Graf 6.6 : Perbandingan Sungai Mengikut Kelas, 2017-2018

Jadual 6.4 : Status Indeks Kualiti Air Bagi Lembangan Sungai di Negeri Johor, 2017 – 2018

BIL	NEGERI	LEMBANGAN	2017			2018		
			WQI	KELAS	STATUS	WQI	KELAS	STATUS
1	JOHOR	AIR BALOI	60	III	ST	53	III	T
2	JOHOR	BENUT	75	III	ST	74	III	ST
3	JOHOR	BATU PAHAT	69	III	ST	72	III	ST
4	JOHOR	DANGA	52	III	T	47	IV	T
5	JOHOR	ENDAU	76	III	ST	80	II	B
6	JOHOR	JEMALUANG	84	II	B	81	II	B
7	JOHOR	JOHOR	76	III	ST	78	II	ST
8	JOHOR	KEMPAS	52	III	T	46	IV	T
9	JOHOR	KIM-KIM	53	III	T	58	III	T
10	JOHOR	MERSING	76	III	ST	81	II	B
11	JOHOR	MUAR	75	III	ST	76	III	ST
12	JOHOR	PALOI	80	II	ST	85	II	B
13	JOHOR	PASIR GUDANG	44	IV	T	42	IV	T
14	JOHOR	PONTIAN BESAR	61	III	ST	64	III	ST
15	JOHOR	PONTIAN KECIL	64	III	ST	78	II	ST
16	JOHOR	PULAI	71	III	ST	76	III	ST
17	JOHOR	RAMBAH	60	III	ST	70	III	ST
18	JOHOR	SANGLANG	59	III	T	63	III	ST
19	JOHOR	SEDILI BESAR	72	III	ST	79	II	ST
20	JOHOR	SEDILI KECIL	75	III	ST	64	III	ST
21	JOHOR	SEGGET	51	IV	T	59	III	T
22	JOHOR	SKUDAI	63	III	ST	67	III	ST
23	JOHOR	TEBRAU	53	III	T	45	IV	T

Pengawasan Kualiti Air Tanah

Pada tahun 2018, pengawasan kualiti air tanah dijalankan di 6 stesen pemantauan iaitu di sekitar Kota Tinggi, Ulu Choh dan Pasir Gudang bagi mengesan pencemaran kepada air tanah di lokasi-lokasi yang dikenali pasti terdedah kepada risiko pencemaran. Program pengawasan ini dilaksanakan dengan menganalisa sampel air tanah yang diambil secara berkala dan penekanan diberi terhadap parameter-parameter yang dipilih untuk diawasi. Pemilihan parameter dibuat berdasarkan keperluan kualiti air tanah seperti logam-logam berat, anion, racun perosak, jumlah keliatan dan sebagainya.

Bagi pembangunan dan penerokaan air tanah di sesuatu kawasan kebiasaannya satu kajian khas kualiti air tanah akan dibuat terlebih dahulu. Persampelan yang dilakukan adalah merangkumi analisis in-situ dan juga analisis kimia. Terdapat enam(6) parameter in-situ yang diukur sendiri oleh pegawai JAS dengan menggunakan alat multiprobe dan tiga puluh sembilan (39) parameter kimia dianalisis dengan mengambil sampel menggunakan botol persampelan dan di hantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Johor Bahru serta Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya untuk dianalisis.



Gambar 6.7 : Kerja persampelan air tanah yang melibatkan pengukuran parameter in-situ bagi sampel air tanah.2017 – 2018



Peta 6.2: Lokasi Stesen Pemantauan Kualiti Air Tanah, 2018

Keputusan bacaan bagi beberapa parameter yang dianalisis seperti volatile organic compounds (VOCs), logam berat, anion, fenol, pH, jumlah keliatan, jumlah pepejal terlarut dan lain-lain akan dibandingkan dengan Garis Panduan Air Minum Kebangsaan (Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia) bagi mengenalpasti status kualiti air tanah tersebut.

BIL	ID STESEN	LATITUD & LONGITUD	KEDALAMAN (meter)	LOKASI	JENIS GUNATANAH
1	MW(7)-J5-1-7.34	N 1.444800 ° E 103.918900 °	7.34	Tg. Puteri, Pasir Gudang	Industrial
2	MW(7)-J5-2-7.49	N 1.444700 ° E 103.925400 °	7.49	Tg. Puteri, Pasir Gudang	Industrial
3	MW(7)-J4-1-6.94	N 1.446900 ° E 103.769200 °	6.94	Kg. Batu 4, Kota Tinggi	Landfill
4	MW(7)-JPN-1-6.90	N 1.455300 ° E 103.747500 °	6.9	Ulu Choh (Pintu)	Animal Burial
5	MW(7)-JPN-2-6.10	N 1.499200 ° E 103.547600 °	6.1	Ulu Choh (Kolam)	Animal Burial
6	MW(7)-JPN-3-6.71	N 1.499100 ° E 103.548300 °	6.71	Ulu Choh (Sungai)	Animal Burial

Jadual 6.5 : Stesen Kualiti air bawah tanah



Gambar 6.8 : Persediaan pengawetan & pelabelan botol sampel sebelum kerja persampelan air tanah.



Gambar 6.9 : Proses purging sebelum pengambilan sampel air tanah.

Berdasarkan persampelan dan analisa yang telah dijalankan bagi tahun 2018, didapati keputusan analisis bagi Indeks Kualiti air Tanah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.6.

Jadual 6.6 : Indeks Kualiti Air Tanah, 2018

No	State	Area	Station ID	GWQI	Category
1	JOHOR	Kota Tinggi	MW(7)-J4-1-6.94	82	Good
2	JOHOR	Pasir Gudang	MW(7)-J5-1-7.34	93	Excellent
3	JOHOR	Pasir Gudang	MW(7)-J5-2-7.49	73	Fair
4	JOHOR	Ulu Choh	MW(7)-JPN-1-6.90	82	Good
5	JOHOR	Ulu Choh	MW(7)-JPN-2-6.10	81	Good
6	JOHOR	Ulu Choh	MW(7)-JPN-3-6.71	84	Good

Jadual 6.7 : Indeks Kualiti Air Tanah

GWQI	Category	Potential Use
0 – 15	Very Poor	Low water quality
16– 39	Poor	Irrigation
40 – 69	Fair	Industrial use
70 – 89	Good	Raw water that required treatment before use
≥90	Excellent	Potential drinking water, SUBJECT to compliance of respective water quality standards stipulated for the intended use.

Pengawasan Kualiti Air Marin

Pada tahun 2018, pengawasan kualiti air marin dijalankan di dua (2) stesen pemantauan kualiti air marin serta 63 stesen pemantauan kualiti air marin manual di sepanjang perairan dan pulau-pulau di Negeri Johor.

Bagi stesen pengawasan kualiti air marin automatik, bacaan kualiti air diperolehi setiap 30 minit. Manakala kerja pengawasan kualiti air marin manual dijalankan sebanyak enam (6) kali setahun bagi setiap stesen.

Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) digunakan sebagai satu keadah untuk menentukan kategori dan status kualiti air marin. Indeks ini dibangunkan berdasarkan 7 parameter utama iaitu Oksigen Terlarut (DO), Nitrat (NO3), Fosfat (PO4), Ammonia Tidak Terion (NH3), Faecal Coliform, Minyak dan Gris (O&G) dan Jumlah Pepejal Terampai (TSS).

IKAM yang berskala dari 0 hingga 100 akan menentukan kategori kualiti air marin daripada “Terbaik” hingga “Tercemar”.

Jadual 6.8 : Klasifikasi Indeks Kualiti Air Marin

KATEGORI / CATEGORY	NILAI INDEKS / INDEX VALUE
Terbaik / Excellent	100 - 90
Baik / Good	<90 - 80
Sederhana / Moderate	<80 - 50
Tercemar / Poor	<50 - 0

PARAMETER	KELAS 1	KELAS 2	KELAS 3	KELAS E
Kegunaan	Pemeliharaan, Kawasan Dilindungi, Taman Laut	Kehidupan laut, Perikanan, Terumbu Karang, Rekreasi dan Marikultur	Pelabuhan, Lapangan Minyak dan Gas	Paya Bakau dan Muara Sungai
Suhu (°C)	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum			
Oksigen Terlarut (mg/L)	> 80% tepu	5	3	4
Jumlah Pepejal Terampai* (mg/L)	25 mg/L atau ≤ 10%	50 mg/L (25 mg/L) atau ≤ 10%	100 mg/L atau ≤ 10%	100 mg/L atau ≤ 30%
	peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah			
Minyak dan Gris (mg/L)	0.01	0.14	5	0.14
Raksa* (µg/L)	0.04	0.16 (0.04)	50	0.5
Kadmium* (µg/L)	0.5	2 (3)	10	2
Kromium(VI) (µg/L)	5	10	48	10
Kuprum (µg/L)	1.3	2.9	10	2.9
Arsenik(III)* (µg/L)	3	20 (3)	50	20 (3)
Plumbum (µg/L)	4.4	8.5	50	8.5
Zink (µg/L)	15	50	100	50
Sianida (µg/L)	2	7	20	7
Ammonia (tidak terion) (µg/L)	35	70	320	70
Nitrit (NO ₂) (µg/L)	10	55	1000	55
Nitrat (NO ₃) (µg/L)	10	60	1000	60
Fosfat (µg/L)	5	75	670	75
Fenol (µg/L)	1	10	100	10
Tributylin (TBT) (µg/L)	0.001	0.01	0.05	0.01
Faecal Coliform (count/100 ml)	70	100 (70)	200	100 (70)
Polycyclic Aromatic Hydrocarbon (PAHs) (µg/L)	100	200	1000	1000

Nota : *Nilai SKKAM dalam kurungan digunakan untuk kawasan air marin yang menjadi sumber makanan laut.

Jadual 6.9 : Indeks Kualiti Air Marin (IKAM)



Gambar 6.10 : Stesen pengawasan kualiti air marin automatik beserta sondedi Jeti Jabatan Laut Malaysia, Tanjung Pengelih, Johor.

Bagi stesen pemantauan kualiti air marin manual, ia terbahagi kepada 4 kategori seperti berikut :

1. Pengawasan air marin kuala
2. Pengawasan air marin pantai
3. Pengawasan air marin pulau
4. Pengawasan air marin bagi Malaysia-Singapore Joint Committee on Environment, MSJCE

Pengawasan Kualiti Air Marin (Kuala)

Program pengawasan kualiti air marin di sekitar kawasan kuala sungai (estuari) di Negeri Johor melibatkan enam (6) stesen di sungai-sungai utama di negeri Johor, iaitu Sungai Segget, Sungai Kim Kim, Sungai Johor, Sungai Batu Pahat, Sungai Muar dan Sungai Mersing.

Bil.	Negeri	Kategori Stesen	Lokasi	No. Stesen		IKAM	
				(Baru)	(Lama)	Indeks	Kategori
1	JOHOR	ESTUARI	KUALA SUNGAI SEGGET	MMJE001	1437919	33	TERCEMAR
2	JOHOR	ESTUARI	KUALA SUNGAI KIMKIM	MMJE002	1439965	54	SEDERHANA
3	JOHOR	ESTUARI	KUALA SUNGAI JOHOR	MMJE003	1440916	92	TERBAIK
4	JOHOR	ESTUARI	KUALA SUNGAI BATU PAHAT	MMJE004	1729930	73	SEDERHANA
5	JOHOR	ESTUARI	KUALA SUNGAI MUAR	MMJE005	2024932	69	SEDERHANA
6	JOHOR	ESTUARI	KUALA SUNGAI MERSING	MMJE006	2438905	79	SEDERHANA

Jadual 6.10 : Indeks Kualiti Air Marin bagi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin (Kuala), 2018.

Pengawasan Kualiti Air Marin (Pantai)

Program pengawasan kualiti air marin di sepanjang pantai di Negeri Johor dijalankan di 29 stesen yang terdapat di bahagian timur, barat dan selatan negeri Johor.

Jadual 6.11 : Indeks Kualiti Air Marin bagi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin (Pantai), 2018

Bil.	Negeri	Kategori Stesen	Lokasi	No. Stesen		IKAM	
				(Baru)	(Lama)	Indeks	Kategori
1	JOHOR	PANTAI	TANJUNG BIN	MMJC001	1336975	85	BAIK
2	JOHOR	PANTAI	PEL. TANJUNG PELEPAS	MMJC002	1438918	83	BAIK
3	JOHOR	PANTAI	HADAPAN JABATAN LAUT	MMJC003	1438943	83	BAIK
4	JOHOR	PANTAI	PANTAI STULANG LAUT	MMJC004	1437951	54	SEDERHANA
5	JOHOR	PANTAI	JETI TELUK JAJA	MMJC005	1438918	64	SEDERHANA
6	JOHOR	PANTAI	PELABUHAN PASIR GUDANG	MMJC006	1428939	64	SEDERHANA
7	JOHOR	PANTAI	HADAPAN HSAJB	MMJC007	1437920	44	TERCEMAR
8	JOHOR	PANTAI	PANTAI LIDO	MMJC008	1437921	47	TERCEMAR
9	JOHOR	PANTAI	PANTAI TELUK MAHOTA	MMJC009	1841911	88	BAIK
10	JOHOR	PANTAI	PANTAI TANJUNG LEMAN	MMJC010	2140694	94	TERBAIK
11	JOHOR	PANTAI	PANTAI SRI PANTAI	MMJC011	2339960	94	TERBAIK
12	JOHOR	PANTAI	TANJUNG MERAH	MMJC012	1441968	77	BAIK
13	JOHOR	PANTAI	TANJUNG PENGELIH	MMJC013	1441967	92	TERBAIK
14	JOHOR	PANTAI	PANTAI TANJONG STAPA	MMJC014	1341961	93	TERBAIK
15	JOHOR	PANTAI	PANTAI TELUK GOREH	MMJC015	2538958	94	TERBAIK
16	JOHOR	PANTAI	PANTAI AIR PAPAN	MMJC016	2538959	93	TERBAIK
17	JOHOR	PANTAI	JETI UJUP	MMJC017	1334925	82	BAIK
18	JOHOR	PANTAI	PASIR GOGO	MMJC018	1441966	85	BAIK
19	JOHOR	PANTAI	TANJUNG BUAH	MMJC019	1340973	87	BAIK
20	JOHOR	PANTAI	PANTAI DESARU	MMJC020	1542914	94	TERBAIK

21	JOHOR	PANTAI	TANJUNG SEPANG	MMJC021	1443969	89	BAIK
22	JOHOR	PANTAI	TANJUNG PENYUSUP	MMJC022	1444920	92	TERBAIK
23	JOHOR	PANTAI	PANTAI SUNGAI LURUS	MMJC023	1730962	84	BAIK
24	JOHOR	PANTAI	PUNGGUR	MMJC024	1531974	80	BAIK
25	JOHOR	PANTAI	PANTAI PENYABUNG	MMJC025	-	93	TERBAIK
26	JOHOR	PANTAI	TANJUNG RESANG	MMJC026	-	94	TERBAIK
27	JOHOR	PANTAI	TANJUNG BALAU	MMJC027	-	93	TERBAIK
28	JOHOR	PANTAI	BATU LAYAR	MMJC028	-	93	TERBAIK
29	JOHOR	PANTAI	TANJUNG SENGAT	MMJC029	-	87	BAIK

Pengawasan Kualiti Air Marin (Pulau)

Program pengawasan kualiti air marin bagi pulau-pulau di Negeri Johor dijalankan di 8 stesen yang terbahagi kepada 3 kategori iaitu pulau taman laut, pulau dilindungi dan pulau peranginan (resort).

Bil.	Negeri	Kategori Stesen	Lokasi	No. Stesen		IKAM	
				(Baru)	(Lama)	Indeks	Kategori
1	JOHOR	PULAU (MARINE PARK)	DAYANG	MMJM001	7JM03	92	TERBAIK
2	JOHOR	PULAU (MARINE PARK)	NANGA BESAR	MMJM002	7JM08	94	TERBAIK
3	JOHOR	PULAU (MARINE PARK)	SIBU TENGAH	MMJM003	7JM11	94	TERBAIK
4	JOHOR	PULAU (MARINE PARK)	PEMANGGIL	MMJM004	7JM15	94	TERBAIK
5	JOHOR	PULAU (PROTECTED)	KUKUP	MMJP001	7JP17	80	BAIK
6	JOHOR	PULAU (PROTECTED)	PISANG	MMJP002	7JP18	92	TERBAIK
7	JOHOR	PULAU (RESORT)	SETINDAN	MMJR001	7JR01	93	TERBAIK
8	JOHOR	PULAU (RESORT)	BABI TENGAH	MMJR002	7JR02	94	TERBAIK

Jadual 6.12 : Indeks Kualiti Air Marin bagi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin (Pulau), 2018

Pengawasan Kualiti Air Marin (Malaysia-Singapore Joint Committee on Environment, MSJCE)

Program pengawasan kualiti air marin bagi MSJCE dijalankan di 20 stesen yang telah dipersetujui dan ditetapkan bersama oleh pihak Malaysia dan pihak Singapura. Bagi pihak Malaysia, persampelan dijalankan sebanyak tiga (3) kali setahun, iaitu pada Mac, Julai dan November. Manakala bagi pihak Singapura persampelan dijalankan pada Januari, Mei dan September.

Secara keseluruhannya persampelan dan analisa dijalankan sebanyak enam (6) kali setahun bagi tujuan pengawasan kualiti air marin di perairan sempadan Malaysia-Singapura. Peta 6.3 dan Jadual 6.13 menunjukkan lokasi stesen pemantauan kualiti air marin bagi MSJCE.



Peta 6.3 : Lokasi Stesen Pemantauan Kualiti Air Marin (MSJCE), 2018

Jadual 6.13 : Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin (MSJCE), 2018

Bil.	Kawasan	No. Stesen
1	PULAU MERAMBONG	WM1
2	TANJUNG KUPANG	SJ10
3	TANJUNG BUNGA	SJ9
4	TEBING RUNTUH	SJ8
5	KUALA SG. MELAYU	SJ8A
6	TANJUNG DANGA	SJ7
7	KUALA SG. SKUDAI	SJ7A
8	DEPAN PUSAT ISLAM	SJ7B
9	HADAPAN MPJB	SJ6
10	TANJUNG PUTRI	SJ5
11	KUALA SG. TEBRAU	SJ4A
12	KG. SENIBUNG	SJ4
13	J/K SULTAN ISKANDAR	SJ3
14	KG. PASIR PUTIH	SJ2
15	KG. TANJUNG KOPOK	SJ1
16	BELUNGKOR	EM4
17	PULAU TEKONG	EM5
18	PULAU TEKONG	EM6
19	DEPAN JETI PULAREK	EM7
20	TANJUNG PENGELIH	WQ10



BAB 7 KOMUNIKASI DAN SEBARAN MAKLUMAT

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

2018


PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Selain bidang tugas penguatkuasaan dan pengawasan alam sekitar yang dijalankan, Jabatan Alam Sekitar turut berperanan untuk memberi pendidikan mengenai kesedaran alam sekitar dan perlindungan serta pembaikan alam sekeliling kepada semua lapisan masyarakat. Ini kerana Seksyen 3(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menggariskan kuasa, tanggungjawab dan kewajipan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk memberikan Pendidikan Alam Sekitar dan sumber rujukan maklumat berkaitan dengan alam sekitar. Justeru itu, Unit Komunikasi dan Sebaran Maklumat di Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor berperanan merangka pelbagai program setiap tahun yang berorientasikan strategi jangka panjang sekaligus menjurus ke arah pendidikan dan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat serta generasi yang akan datang khususnya di Negeri Johor.


Sepanjang tahun 2018, antara program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dengan kerjasama pelbagai pihak adalah program ceramah, pameran, Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS), bengkel, seminar dan taklimat, program Tabika Lestari, Sambutan Hari Bumi, Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (World Environment Day) serta sambutan Hari Alam Sekitar Negara atau HASN. Graf 7.1 menunjukkan pecahan program yang dijalankan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor sepanjang tahun 2018, manakala Graf 7.2 menunjukkan statistik pengendalian program kesedaran alam sekitar oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor sepanjang tahun 2014 hingga tahun 2018.



Gambar 7.1 JAS Negeri Johor: Program yang dijalankan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor



Graf 7.1 JAS Negeri Johor: Pecahan Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar, 2018



Graf 7.2 JAS Negeri Johor: Statistik Aktiviti Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar, 2014 – 2018

CERAMAH ALAM SEKITAR

Program ceramah kesedaran alam sekitar merupakan antara program utama yang dijalankan Unit Komunikasi & Sebaran Maklumat, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor. Aktiviti ceramah yang dilaksanakan bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkenaan peranan Jabatan Alam Sekitar dan kesedaran alam sekitar terhadap perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar serta pelbagai isu semasa yang berkaitan.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 40 siri ceramah telah disampaikan yang meliputi pelbagai aspek dan tajuk berkaitan alam sekitar. Antara isu-isu yang dibentangkan dalam ceramah yang disampaikan ialah isu pemanasan global, pencemaran air dan udara, kesedaran alam sekitar, Rakan Alam Sekitar (RAS), penipisan lapisan ozon, pengurusan alam sekitar, persekitaran lestari serta penerangan tentang perundangan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dan peraturan-peraturan dibawahnya. Program ceramah ini turut disasarkan kepada pelbagai lapisan masyarakat, seperti golongan pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi awam (IPTA), kakitangan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta, serta pihak industri.



Gambar 7.2 JAS Negeri Johor: Program ceramah kesedaran alam sekitar yang dijalankan Unit Komunikasi dan Sebaran Maklumat

Jadual 7.1 JAS Negeri Johor: Ceramah Alam Sekitar tahun 2018

BIL	TARIKH	LOKASI	PESERTA	TAJUK
1	30-Jan-18	Guan Seng Enterprise Sdn Bhd, No, 58 Parit Hj Siraj, Kayu Ara Pasong, Pontian	Kakitangan Guan Seng Enterprise	Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO)
2	22-Feb-18	Kulim Eco-Trail, Ladang Basir Kota Tinggi	Kakitangan Kulim-Eco Trail	Johor Mighty River
3	11-Mac-18	Dewan SK Bukit Soga, Batu Pahat	Pelajar Sekolah	Alam Sekitar
4	19-Mac-18	Petubuhan Pekebun Kecil, Sri Medan, Batu Pahat	Pekebun Kecil	Keperluan Akta Alam Sekeliling 1974 Untuk Pekebun Kecil
5	20-Mac-18	Parit Raja, Batu Pahat	Pekebun Kecil	Keperluan Akta Alam Sekeliling 1974 Untuk Pekebun Kecil
6	21-Mac-18	Kompleks Penghulu Parit Kemang Senggarang - Batu Pahat	Pekebun Kecil	Keperluan Akta Alam Sekeliling 1974 Untuk Pekebun Kecil
7	22-Mac-18	Ceramah TLP Terminal S/B Komplex Perlabuhan Tg. Pelepas	Industri	Keperluan Akta Alam Sekeliling 1974 Untuk Industri
8	26-Mac-18	Dewan Masjid Kg Kudus - Pontian	Pekebun Kecil	Keperluan Akta Alam Sekeliling 1974 Untuk Pekebun Kecil
9	26-Mac-18	Kompleks Penghulu Mukim Serom, Sg. Mati - Muar	Pekebun Kecil	Keperluan Akta Alam Sekeliling 1974 Untuk Pekebun Kecil
10	27-Mac-18	Dewan Muafakat Taman Saujana - Pontian	Pekebun Kecil	Keperluan Akta Alam Sekeliling 1974 Untuk Pekebun Kecil
11	28-Mac-18	Petubuhan Pekebun Kecil Segamat	Pekebun Kecil	Keperluan Akta Alam Sekeliling 1974 Untuk Pekebun Kecil
12	19-Apr-18	M-Frischer Tech Sdn Bhd	Kakitangan M-Frischer	Alam Sekitar
13	4-Jul-18	SJK(T) Ladang Tebrau	Pelajar Sekolah	Alam Sekitar
14	16-Jul-18	KPJ, Jalan Sultan Abdul Samad	Kakitangan KPJ	Alam Sekitar
15	17-Jul-18	Aramijaya Sdn Bhd	Kakitangan Aramijaya Sdn Bhd	AKAS 1974
16	19-Jul-18	Johor Land, Bandar Dato Onn	Kakitangan Johor Land	EIA
17	8-Ogos-18	Sutera Mall	Pelajar Sekolah	Alam Sekitar
18	4-Nov-18	MPOB Felcra Sg Ara	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
19	5-Nov-18	Celestica Senai	Kakitangan Celestica Senai	Alam Sekitar
20	8-Nov-18	V.S Electric Senai	Kakitangan V.S Electric Senai	Alam Sekitar
21	10-Nov-18	Amansari Resort Seri Alam, Masai	Industri	Alam Sekitar
22	11-Nov-18	MPOB Kg Baru Sg Mas	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
23	15-Nov-18	Petrochemical Pasir Gudang	Kakitangan	Alam Sekitar

			Petrochemical	
24	23-Nov-18	SMK Dato, Abdl Rahman Andak, Simpang Renggam	Pelajar Sekolah	Alam Sekitar
25	26-Nov-18	UTHM	Penuntut Universiti	Alam Sekitar
26	28-Nov-18	SK Tiga Serangkai, Batu Pahat	Pelajar Sekolah	Alam Sekitar
27	3-Dis-18	MPOB Batu Pahat	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
28	4-Dis-18	MPOB Batu Pahat	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
29	5-Dis-18	MPOB Labis	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
30	10-Dis-18	MPOB Batu Pahat	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
31	11-Dis-18	MPOB Parit Sulong	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
32	13-Dis-18	Nippon Paint	Kakitangan Nippon Paint	Alam Sekitar
33	13-Dis-18	IMU Kluang	Penuntut Universiti	Alam Sekitar
34	16-Dis-18	MPOB Renggam	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
35	17-Dis-18	MPOB	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
36	18-Dis-18	Sumitomo	Kakitangan Sumitomo	Alam Sekitar
37	18-Dis-18	MPOB Muar	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
38	19-Dis-18	MPOB Muar	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
39	20-Dis-18	MPOB Muar	Pekebun Kecil	Alam Sekitar
40	24-Dis-18	MPOB Benut	Pekebun Kecil	Alam Sekitar

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengambil inisiatif merangka satu program berbentuk 'community based' dan 'hands-on' iaitu Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dibentuk bagi meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat di setiap kawasan Parlimen dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta membantu membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan dan mencemarkan alam sekitar.

Program RAS ini diwujudkan selepas menyedari keupayaan anggota penguatkuasaan sedia ada, masih belum dapat menangani setiap punca pencemaran di negara ini dengan cukup berkesan. Malahan, didapati program-program kesedaran alam sekitar yang telah dilaksanakan setakat ini masih belum dapat meliputi kesemua kumpulan sasaran. Oleh yang demikian, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mengambil satu langkah drastik untuk mempergiatkan aktiviti menambah keahlian RAS terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Jumlah ahli RAS yang berjaya didaftarkan untuk tempoh dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 ialah seramai 2,600 orang ahli yang meliputi keseluruhan daerah di Negeri Johor.

Terdapat dua (2) aktiviti utama yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor untuk ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) Negeri Johor. Antaranya adalah:-

- i. Program Sambutan Hari Bumi
- ii. Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN)



Gambar 7.3 JAS Negeri Johor: Booth Pameran JAS dan RAS Johor

PROGRAM SAMBUTAN HARI BUMI

Hari Bumi disambut pada 22 April setiap tahun dimana hari bumi pertama telah disambut pada 22 April 1970. Ia telah menggerakkan 20 juta rakyat Amerika dari pelbagai lapisan masyarakat dan telah dilabelkan sebagai pencetus kepada pelbagai gerakan alam sekitar di seluruh dunia. Tema Hari Bumi pada tahun 2018 adalah “Berakhirnya Pencemaran Plastik”.

Pada tahun 2018, Hari Bumi telah disambut melalui kerjasama di antara Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan Flex PTP Johor bertujuan menggalakkan pengurangan penggunaan plastik bagi memastikan masalah pencemaran plastik dapat diatasi telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Maharani. Aktiviti-aktiviti seperti menanam pokok, pertandingan pengumpulan buangan plastik, pameran dan kuiz alam sekitar telah dilakukan oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, Jabatan dan Agensi dibawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Flex PTP Johor dan komuniti setempat. Program dirasmikan oleh YB Datuk Haji Ayub Bin Rahmat; Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor



Gambar 7.4 JAS Negeri Johor: Majlis Perasmian Program “Berakhirnya Pencemaran Plastik” sempena Hari Bumi Negeri Johor



Gambar 7.5 JAS Negeri Johor: Aktiviti menanam pokok oleh YB Datuk Haji Ayub Bin Rahmat; Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor bersama komuniti setempat

PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN)

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan satu penjenamaan semula yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar daripada penganjuran Sambutan Hari Alam Sekitar Malaysia dan Minggu Alam Sekitar Malaysia pada tahun-tahun sebelum ini. Sambutan HASN disambut pada 21 Oktober setiap tahun secara serentak di seluruh negara.

Pada tahun 2018, Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Johor telah dianjurkan pada 21 Oktober 2018 di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor dengan membawa tema iaitu “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Tema ini dipilih bertujuan untuk menanamkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan seluruh rakyat Malaysia. Karnival HASN telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ayub bin Rahmat, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor. Antara aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah:-

- i. Malam Kebudayaan HASN 2018;
- ii. J-Robik;
- iii. 3km Fun Run;
- iv. Pendaftaran ahli Rakan Alam Sekitar (RAS);
- v. Pertandingan Mewarna & Melukis;
- vi. Majlis Perasmian HASN Negeri Johor;
- vii. Pameran dan Jualan pelbagai agensi; dan
- viii. Cabutan Bertuah

Gambar 7.6 JAS Negeri Johor: Majlis Perasmian HASN Peringkat Negeri Johor 2018





Gambar 7.7 JAS Negeri Johor: Aktiviti sepanjang program sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Johor 2018



Gambar 7.8 JAS Negeri Johor:
Aktiviti sepanjang program sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Johor 2018



Gambar 7.9 JAS Negeri Johor:
Aktiviti sepanjang program sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Johor 2018



Gambar 7.10 JAS Negeri Johor:
Aktiviti sepanjang program sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Johor 2018

PROGRAM TABIKA LESTARI

Program Tabika Lestari adalah program yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor di beberapa Tabika/Taska yang terpilih di seluruh Negeri. Program ini berkonsepkan pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan warga Tabika/Taska bersama keluarga, komuniti setempat, kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan.

Program yang berkonsepkan bermain sambil belajar, yang merupakan input berkaitan kepentingan menjaga alam sekitar secara tidak langsung kepada kanak-kanak. Program dijalankan melibatkan aktiviti hands-on kepada seluruh warga Tabika/Taska yang terlibat. Kata pepatah ada mengatakan, meluntur buluh biarlah dari rebungunya. Oleh yang demikian, kepentingan menjaga alam sekitar harus diterapkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi. Untuk tahun 2018, sebanyak 2 program Tabika/Taska Lestari telah dijalankan dibantu oleh fasilitator yang merupakan pelajar-pelajar IPTA yang menjalankan latihan industri di Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor.

PENGURUSAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Unit Komunikasi & Sebaran Maklumat juga turut mengurus permohonan pelajar IPTA atau IPTS yang ingin menjalani latihan industri di Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor. Secara umumnya, pelajar yang dipilih adalah dalam bidang kursus yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas Jabatan seperti Sains Kimia, Biologi dan Pemuliharaan Persekitaran, Sains Persekitaran, Kejuruteraan Alam Sekitar, Teknologi Persekitaran, Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan Kimia. Pada tahun 2018, seramai 29 orang pelajar telah diterima untuk menjalani latihan industri untuk tempoh 10-24 minggu di JAS Negeri Johor, JAS Cawangan Muar, JAS Cawangan Kluang dan JAS Cawangan Batu Pahat.

Pelajar Latihan Industri ini ditempatkan di pelbagai unit di Jabatan di bawah penyeliaan Ketua Unit masing-masing. Mereka didedahkan kepada pengurusan alam sekitar yang meliputi penguatkuasaan, pengawasan kualiti air (air bawah tanah, air marin dan air sungai), pendidikan alam sekitar dan penilaian alam sekitar.



BAB 8 GEOSPATIAL DAN INVENTORI STRATEGIK

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

2018

Laporan Tahunan 2018

Unit Geospasial dan Inventori Strategik (GIS)

Bahagian Operasi 3

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor

Unit Geospasial dan Inventori Strategik (GIS) merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Operasi 3, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JAS Johor). Tugas utama unit ini adalah untuk menyelaraskan program berkaitan geospasial di negeri Johor serta menyediakan janaan data geospasial (output GIS) sebagai data sokongan kepada Bahagian dan Unit lain. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab menyelaraskan Modul Sistem Inventori Maklumat Pencemaran Alam Sekitar (SIMPAS) dalam Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS) untuk memastikan setiap data yang dimasukkan adalah lengkap, tepat dan terkini.

Pada tahun 2018, Unit ini berjaya menyediakan beberapa janaan data geospasial termasuk data pengawasan kualiti air sungai untuk 23 lembangan sungai, kawasan-kawasan projek Laporan EIA diluluskan dan kawasan-kawasan projek Laporan TOR disahkan.

Jadual 8.1 : Output GIS yang dihasilkan pada 2018

Data pengawasan kualiti air sungai
1. L embangan Ayer Baloi
2. L embangan Batu Pahat
3. L embangan Benut
4. L embangan Danga
5. L embangan Endau
6. L embangan Jemaluang
7. L embangan Johor
8. Lembangan Kempas
9. L embangan Kim-kim
10. Lembangan Mersing
11. Lembangan Muar
12. Lembangan Paloi
13. Kawasan Pasir Gudang
14. Lembangan Pontian Besar
15. Lembangan Pontian Kecil
16. Lembangan Pulai
17. Lembangan Rambah
18. Lembangan Sanglang
19. Lembangan Sedili Besar
20. Lembangan Sedili Kechil
21. Lembangan Segget
22. Lembangan Skudai
23. Lembangan Tebrau

Kawasan projek Laporan EIA diluluskan	
Kota Tinggi	<ol style="list-style-type: none"> 1. The Proposed Industrial Estate Development (Light And Medium) On 212.946 Hectares (526.200 Acres) Land At PTD 31034, PTD 31035 & PTD 31037, Mukim Kota Tinggi, Kota Tinggi - Crescendo Development Sdn Bhd 2. The Proposed Quarry Operation On H.S.(D) 31128 PTD 1029 (Lot 10011), H.S.(D) 31130 PTD 1031 (Lot 10013), In The Mukim Of Sedili Kechil, Kota Tinggi - BJ Granite Sdn Bhd
Batu Pahat	<ol style="list-style-type: none"> 3. The Proposed Industrial Estate On PTD 9834, Mukim Seri Medan, Batu Pahat - Miramas Properties Sdn Bhd
Johor Bahru	<ol style="list-style-type: none"> 4. Cadangan Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 139, Mukim Tebrau Dan Sebahagian Lot 1876, Jalan Pandan, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru - Johor City Development Sdn Bhd 5. The Proposed Plant Expansion (2nd Polymer Dispersions Line With Capacity 50kt/A) in Pasir Gudang - BASF (M) Sdn Bhd 6. The Proposed Upgrading Of Sewage Treatment Plant (Stp) At Lot 20896, Larkin, Mukim Bandar, Johor Bahru - Larkin Sentral Management Sdn Bhd
Segamat	<ol style="list-style-type: none"> 7. 'Proposed Recovery Of Copper From Electronic Waste At PTD 10083, Jalan Labis, Kawasan Perindustrian Segamat li, Mukim Pogoh, Segamat - Lembah Daya Emas Sdn Bhd 8. The Proposed 609.14 Hectares (1505.21 Acres) Oil Palm Plantation At Felcra Berhad Bekok, Mukim Bekok, Segamat - FELCRA Berhad
Kluang	<ol style="list-style-type: none"> 9. Cadangan Pembangunan Dan Perindustrian Di Atas Sebahagian PTD 57386 (Lot Baru 55024), Mukim Kluang, Kluang - Atlantis Venture Sdn Bhd
Muar	<ol style="list-style-type: none"> 10. Proposed Development Of Muar Timber Industrial Park On Old Lots (PTD 23399, PTD 13400 And PTD 8531) Total Area 987.22 Acre, Mukim Jalan Bakri, Muar - Johor Corporation Sdn Bhd
Pontian	<ol style="list-style-type: none"> 11. Hydrocarbon Storage And Distribution Terminal At Tanjung Bin, Johor For Development "Phase 2 Expansion (Stage 2 -


Jadual 8.2 : Kawasan projek Laporan EIA diluluskan

	Separation And Processing Unit) – Att Tanjung Bin Sdn. Bhd. (“Atb”) - ATT Tanjung Bin Sdn Bhd
Kawasan projek Laporan TOR disahkan	
Johor Bahru	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cadangan Pembinaan Loji Rawatan Air Kumbahan Berpusat Bagi Hulu Sungai Segget At Lot 3897 And Lot 46200, Johor Bahru - Iskandar Regional Development Authority 2. Projek Industrial Estate Development (Commercial & Industrial) On PTD 222359, PTD 22360 And PTD 4499 At Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru - Tentu Teguh Sdn Bhd 3. Proposed Sewage Treatment Plant (STP) At PTD 209293, Jalan Rebong, Kampung Bendahara, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru - Bandar Baru Majidee Development Sdn Bhd 4. ‘The Proposed Off-site Scheduled Waste Recovery Facility At PTD 3757, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor’ - S & J Lubricant Sdn Bhd 5. Cadangan 135.8 Hektar (335.569 Ekar) Pembangunan Bercampur Bagi 4478 Unit Perumahan Dan Komersial Di Atas Lot 64189, Geran 488391, Mukim Pulau, Daerah Johor Bahru - Amber Land Berhad 6. The Proposed Mixed Development On Lots 805, PTD105777, PTD 156485, PTD 156486 And PTD 195575 To PTD 195578, Mukim Tebrau, District Of Johor Bahru - Pelangi Sdn Bhd 7. Proposed of Extension of Polyaluminium Chloride (PAX) Facility At Plo 411, Kawasan 4, Jalan Perak Satu, Pasir Gudang Industrial Estate, Johor Bahru - CCM Chemicals Sdn Bhd
Kota Tinggi	<ol style="list-style-type: none"> 8. Proposed Housing Development On Lot PTD 1414 And Lot PTD 1467, Mukim Pantai Timur, Daerah Kota Tinggi (Sewage Treatment Plant) - Cocoa Valley Development Sdn Bhd
Kluang	<ol style="list-style-type: none"> 9. Proposed Housing Development On Lot 1691, 1692 & 2086 (PT 44270), Mukim Kluang, Daerah Kluang - Hektar Berlian Sdn Bhd

Sebahagian output GIS yang telah berjaya dihasilkan adalah seperti berikut:




Peta 8.1 : Status Kualiti Air Sungai Muar mengikut pengkelasan bagi bulan Februari 2018




Peta 8.2 : Status Kualiti Air Sungai Johor mengikut pengkelasan bagi bulan Mei 2018



Peta 8.3 : Status Kualiti Air Sungai Tebrau mengikut pengelasan bagi bulan Julai 2018



Peta 8.4 : Kawasan Projek Pembangunan 'Cadangan Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 139, Mukim Tebrau Dan Sebahagian Lot 1876, Jalan Pandan, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru oleh Johor City Development Sdn Bhd



Peta 8.5 : Kawasan Projek Pembangunan The Proposed Industrial Estate On PTD 9834, Mukim Seri Medan, Batu Pahat oleh Miramas Properties Sdn Bhd

Sebanyak 3 aktiviti geospasial telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2018. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai teknikal di JAS Johor terhadap aplikasi-aplikasi geospasial yang telah dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Bil	Nama Aktiviti	Tarikh	Bilangan peserta
1	Program Pemerkasaan Aplikasi Geospas Offline JAS Johor	30 April 2018	27 orang
2	Program Task Force Pemurnian Dan Pengemaskinian Data EIA JAS Johor	18 September 2018	15 orang
3	Taklimat Aplikasi Geocharting PAT Johor 2018	18 September 2018	15 orang

Jadual 8.3 : Senarai aktiviti geospasial yang dilaksanakan pada tahun 2018

Program Pemerkasaan Aplikasi GEOSpAS Offline telah diadakan bersama dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Geospasial JAS Johor Tahun 2018 pada 30 April 2018. Seramai 27 orang pegawai telah terlibat dalam program ini. Program latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap Aplikasi GEOSpAS Offline yang telah dibangunkan oleh pihak Seksyen Geospasial JAS Ibu Pejabat. Jawatankuasa Pelaksana Geospasial JAS Johor telah ditubuhkan bagi membincangkan penambahbaikan perkara-perkara berkaitan geospasial dan perkongsian ilmu di kalangan pegawai-pegawai. Setiap Bahagian dan Cawangan di JAS Johor mempunyai wakil untuk jawatankuasa ini supaya dapat menyuarakan masalah atau pandangan berkaitan geospasial.

Program Task Force Pemurnian Dan Pengemaskinian Data EIA JAS Johor dan Taklimat Aplikasi Geocharting PAT Johor 2018 telah diadakan pada 18 September 2018 yang mana ianya melibatkan 18 orang pegawai daripada Bahagian Pembangunan, JAS Johor.



Gambar 8.1 : Program Pemerkasaan Aplikasi Geospas Offline JAS Johor



Gambar 8.2 : Program Pemerkasaan Aplikasi Geospas Offline JAS Johor



Gambar 8.3 : Program Task Force Pemurnian Dan Pengemaskinian Data EIA JAS Johor dan Taklimat Aplikasi Geocharting PAT Johor



Gambar 8.4 : Program Task Force Pemurnian Dan Pengemaskinian Data EIA JAS Johor dan Taklimat Aplikasi Geocharting PAT Johor

Unit GIS ini juga bertanggungjawab mengadakan program lawatan inventori bagi tujuan verifikasi punca-punca pencemaran. Untuk tahun 2018, inventori punca pencemaran difokuskan terhadap pemverifikasian ladang unggas dan ladang khinzir yang dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor. Daripada 27 lawatan yang telah dijalankan, sebanyak 267 ladang telah diverifikasi.



Gambar 8.5 : Ladang Unggas Jenis Tertutup



Gambar 8.6 : Ladang Unggas Jenis Tertutup



Gambar 8.7 : Ladang Unggas Jenis Terbuka



Gambar 8.8 : Ladang Unggas Jenis Terbuka





BAB 9 CAWANGAN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

2018

CAWANGAN
BATU PAHAT
JOHOR




JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR (CAWANGAN BATU PAHAT)

STATUS PENGUATKUASAAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

Premis Yang Ditetapkan di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Cawangan Batu Pahat

- 1 premis Kilang Getah Asli Mentah
- 4 premis Kilang Kelapa Sawit Mentah
- 2 premis Buangan Terjadual

Jumlah pemeriksaan PYDT bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah seperti dalam Rajah 1. Pada tahun 2018, pemeriksaan secara Desktop Enforcement telah mula dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Sebanyak 19 pemeriksaan secara Desktop Enforcement telah dilaksanakan bagi Premis Yang Ditetapkan.



Graf 9.1 : Penguatkuasaan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

Hasil dari pemeriksaan premis, tindakan penguatkuasaan telah diambil atas kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan antaranya tidak menguruskan buangan terjadual dengan baik, tidak menjalankan pengawasan prestasi dan tidak menyelenggara sistem pengolahan efluen / alat kawalan pencemaran udara.

Jadual 9.1 menunjukkan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas premis yang ditetapkan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018:


Tindakan \ Tahun	2016	2017	2018
Notis Arahan	7	7	13
Tawaran Kompaun	4	1	8

Jadual 9.1 : Tindakan Penguatkuasaan Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

STATUS PENGUATKUASAAN PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Jumlah pemeriksaan PYBDT bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah seperti dalam Graf 9.2 Pada tahun 2018, pemeriksaan secara Desktop Enforcement telah mula dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Sebanyak 18 pemeriksaan secara Desktop Enforcement telah dilaksanakan bagi Premis Yang Bukan Ditetapkan.

Graf 9.2 : Penguatkuasaan Premis Yang Bukan Ditetapkan Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018 Group



Hasil dari pemeriksaan premis, tindakan penguatkuasaan telah diambil atas kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan antaranya tidak menguruskan buangan terjadual dengan baik, tidak menjalankan pengawasan prestasi dan tidak menyelenggara sistem pengolahan efluen / alat kawalan pencemaran udara.


Jadual 9.2 menunjukkan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas premis yang bukan ditetapkan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018:

Tahun \ Tindakan	2016	2017	2018
Notis Arahan	28	22	27
Tawaran Kompaun	62	113	48

Jadual 9.2 : Tindakan Penguatkuasaan Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018


PENGURUSAN ADUAN

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Batu Pahat juga menerima pelbagai jenis aduan pencemaran alam sekitar dari orang awam. Graf 9.3 menunjukkan jumlah aduan yang diterima mengikut kategori bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. Graf 9.3 menunjukkan aduan melibatkan aktiviti Pembakaran Terbuka adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan kategori aduan lain.



Graf 9.3 : Jumlah Aduan Yang Diterima Mengikut Kategori Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018 Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018 Group

Graf 9.4 menunjukkan bilangan tawaran kompaun yang telah dikeluarkan mengikut peraturan dan seksyen berkaitan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018.



Penahanan Operasi Kelengkapan

- * 17 tindakan penahanan operasi kelengkapan yang melibatkan premis memproses buangan terjadual (Premis Yang Ditetapkan), berasaskan kayu, kilang kelapa sawit, makanan dan minuman, plastik dan tekstil.
- * Isu yang membawa kepada tindakan penahanan operasi adalah aduan berulang, pintasan efluen dan pembinaan alat kawalan pencemaran tanpa kebenaran / tidak mengikut spesifikasi.



Gambar 9.1 : Penahanan Operasi Kelengkapan di Premis

KESIMPULAN

JAS Cawangan Batu Pahat dengan kekuatan 9 orang pegawai telah berusaha dengan sebaik mungkin dengan menekankan konsep pemeriksaan berkualiti selaras dengan pelaksanaan pematuhan sendiri (Guided Self Regulation) dan pemeriksaan di lapangan (serta-merta), secara berkesan dan penuh integriti.

Secara keseluruhannya perancangan operasi penguatkuasaan bagi tahun 2018 telah hampir berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan peningkatan aduan dari tahun sebelumnya menyumbang kepada peningkatan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil.

Justeru itu, sebanyak :

1. Tujuh belas (17) premis telah disita ekoran kegagalan alat kawalan mahupun ketidakpatuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memberi kesan secara langsung kepada orang awam.
2. Sebelas (11) OPERASI BERSEPADU bersama agensi kerajaan telah dapat dilaksanakan demi kepentingan orang awam. Agensi yang terlibat adalah Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Daerah Yong Peng, Jabatan Mineral dan Geosains Johor, Pejabat Tanah Batu Pahat, Pejabat Daerah Batu Pahat, Pejabat Tanah dan Galian Batu Pahat, Jabatan Kerja Raya Batu Pahat, SWCorp, Pejabat Veterinar, Pejabat Kesihatan Batu Pahat, Jabatan Pengangkutan Jalan Batu Pahat dan Jabatan Kastam.



Gambar 9.2 : Operasi Bersepadu bersama beberapa agensi-agensinya berkaitan bagi menangani isu pembinaan tapak pelupusan sanitari, tapak pelupusan sampah haram, kuari dan ternakan ayam.



Gambar 9.3 : Operasi Bersepadu bersama beberapa agensi-agensi berkaitan bagi menangani isu pembinaan tapak pelupusan sanitari, tapak pelupusan sampah haram, kuari dan ternakan ayam.

CAWANGAN

KLUANG JOHOR



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR (CAWANGAN KLUANG)

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang meliputi dua daerah kawasan operasi iaitu Daerah Kluang dan Mersing. Bagi Daerah Kluang meliputi kawasan Majlis Perbandaran Kluang dan Majlis Daerah Simpang Renggam manakala bagi Daerah Mersing meliputi keseluruhan Daerah Mersing termasuk kepulauan Mersing.

Tugas utama di cawangan ini adalah menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas Premis Yang Di Tetapkan (PYDT), Premis Bukan Yang Di Tetapkan (PYBDT), siasatan aduan, siasatan Hotspot, siasatan kes tumpahan minyak dan sebagainya.

Selain itu, Cawangan ini juga menghadiri pelbagai mesyuarat di peringkat Daerah dan PBT dan juga mewakili JAS Negeri Johor bagi mesyuarat OSC.

BILANGAN PEGAWAI

JAS Cawangan Kluang pada tahun 2018 beroperasi dengan keanggotaan seramai lapan (8) orang pegawai.

PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2018, sebanyak 29 buah Premis Yang Di Tetapkan (PYDT) dan 525 buah Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) di dalam kawasan operasi Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang.


Jadual 9.3 Kawasan operasi JAS Cawangan Kluang

PERKARA	KLUANG			MERSING		
	2016	2017	2018	2016	2017	2018
Kilang Kelapa Sawit (KKS)	20	20	21	6	6	5
Kilang Getah Asli (KG)	1	1	1	0	0	0
Buangan Terjadual (BT)	1	1	2	0	0	0
PYBDT	451	451	474	38	38	51

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang telah menjalankan pemeriksaan secara di lapangan sebanyak 127 buah premis dan pemeriksaan secara dekstop sebanyak 592 buah kilang sepanjang tahun 2018.

Jadual 9.4 : Pemeriksaan Penguatkuasaan PYDT dan PYBDT

PERKARA	BILANGAN			
	PEMERIKSAAN (CAC)			DEKSTOP ENFORCEMENT (DE)
	2016	2017	2018	2018
Kilang Kelapa Sawit (KKS)	67	45	59	202
Kilang Getah Asli (KG)	7	6	1	6
Buangan Terjadual (BT)	0	0	3	3
PYBDT	106	91	64	381
JUMLAH	180	142	127	592




Graf 9.5 : Pemeriksaan di Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah Asli , Buangan Terjadual dan PYBDT bagi 3 Tahun.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Bagi mencapai matlamat ke arah pematuhan yang lebih baik, tindakan penguatkuasaan telah diambil supaya langkah-langkah pembaikan terus dapat dilaksanakan. Antara tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- Mengeluarkan Notis Arahan di bawah Seksyen 31 & 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;
- Mengeluarkan Tawaran Kompaun;
- Mengambil Tindakan Mahkamah;
- Mengeluarkan Perintah Larangan; dan
- Menggantungkan Lesen.

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 87 Notis Arahan telah dikeluarkan, 34 kompaun dan dan 1 premis dikenakan penahanan operasi kerana alat kawalan sistem pengolahan efluen perindustrian beroperasi tanpa pemberitahuan bertulis ke Jabatan ini terlebih dahulu.



Graf 9.6 : Jumlah Tindakan yang telah dikenakan ke atas premis.




Gambar 9.3 :Penahanan Operasi Kelengkapan ke atas Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian Oceanic Fabric Sdn Bhd

ADUAN

Selain menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan penguatkuasaan, JAS Cawangan Kluang menjalankan siasatan aduan di kedua-dua daerah. Sepanjang tahun 2018 sebanyak 73 aduan diterima oleh JAS Cawangan Kluang dan kesemuanya berjaya disiasat dan maklumbalas dalam tempoh piagam

TAHUN	TAHUN		
	2016	2017	2018
KLUANG	81	39	71
MERSING	14	7	2
JUMLAH	95	46	73

Jadual 9.5 : Bilangan aduan mengikut Daerah dan Tahun



Graf 9.7 : Bilangan aduan mengikut Jenis Aduan dan Bulan

HOTSPOT

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 7 kes hotspot dikesan melalui satelit NOAA 18. Dari 7 kes yang diterima, hanya 2 kes sahaja yang berasas dan ditemui. 5 kes lagi jalan akses tidak ditemui dan berada di dalam hutan simpanan.

Kawasan Mersing mempunyai kawasan hutan simpan yang tebal dan berkeluaran besar. Selain itu, terdapat juga kawasan tanah gambut yang mempunyai keluasan yang besar dan mendedahkan kepada kebakaran yang besar sekiranya berlakunya pembakaran terbuka atau kebakaran disebabkan faktor cuaca panas dan kering.

TAHUN	TAHUN		
	2016	2017	2018
KLUANG	5	3	4
MERSING	14	3	3
JUMLAH	19	6	7

Jadual 9.6 : Jumlah Hotspot yang telah dikesan melalui satelit NOAA 18

KEJADIAN TUMPAHAN MINYAK

Pulau-pulau di Mersing terdedah kepada laluan perkapalan domestik dan antarabangsa. Aktiviti perkapalan ini memberi risiko seperti tumpahan minyak akibat dari keadaan sengaja mahupun kemalangan yang tidak disengajakan. Jika berlaku kejadian tumpahan minyak di daerah Mersing, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang akan dirujuk untuk menjalankan siasatan. Masa bertindak pegawai Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang akan mengambil masa kerana perjalanan dari Kluang ke Mersing lebih kurang dua (2) jam dan sekiranya melibatkan kawasan pulau, masa perjalanan dengan bot ke pulau yang terlibat antara setengah jam ke sejam.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 3 aduan berkaitan tumpahan minyak di kepulauan Mersing dan susulan tersebut sebanyak 4 kali rondaan pantai yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang dibantu oleh pihak Jabatan Laut dan APMM. Pada bulan Mac 2018, Jabatan Alam Sekitar, Cawangan Kluang ada turut serta dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan pantai di Pulau Sibul, Mersing.

Selain daripada itu, Unit Kontigensi Jabatan Alam sekitar Negeri Johor telah menghulurkan khidmat bantuan menyelaras kerja-kerja pembersihan tarball di pantai Pulau Tinggi, Mersing.

Kerja-kerja pembersihan pantai diselia oleh Pejabat Daerah Mersing dengan dibantu oleh Penghulu, Majlis Daerah Mersing, Pejabat Tanah Mersing, Jabatan Taman Laut Malaysia, Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan lain-lain agensi.

BIL	TARIKH ADUAN	LOKASI ADUAN
1	30/03/2011	Pantai Pulau Babi Tengah, Mersing
2	29/07/2012	Batu-Batu Island Resort, Pulau Babi Tengah, Mersing
3	27/09/2013	Pulau Pemanggil, Mersing
4	21/08/2013	Batu-Batu Island Resort, Pulau Babi Tengah, Mersing
5	05/03/2014	Pantai Mersing, Kem Iskandar (Belakang Istana Flinstone)
6	31/03/2014	Pulau Tinggi, Mersing
7	31/03/2014	Pulau Sibul, Mersing
8	10/06/2014	Tidak Diketahui

BIL	TARIKH ADUAN	LOKASI ADUAN
9	17/05/2015	Sepanjang Pantai Pulau Pemanggil, Mersing
10	26/10/2015	Sepanjang Pantai Pulau Sibul, Mersing
11	31/01/2016	Persisiran Pantai Tanjung Leman Resort, Mersing
12	21/05/2017	Kg Buau, Pulau Pemanggil, Mersing
13	31/07/2017	Pulau Pemanggil, Mersing
14	16/03/2018	Pulau Sibul, Mersing
15	14/05/2018	Pualu Tinggi, Mersing
16	12/09/2018	Pulau Pemanggil, Mersing

Jadual 9.6 : Jumlah Hotspot yang telah dikesan melalui satelit NOAA 18

Gambar 9.3 : Rondaan dan Pembersihan Pantai di Pulau Sibul, Mersing





Gambar 9.4 : Pembersihan Pantai Pulau Tinggi, Mersing



Sebelum Pembersihan



Selepas Pembersihan



Gambar 9.5 : Bantuan kepakaran Unit Kontigensi, JAS Negeri Johor

Gambar 9.6 : Rondaan Pantai di Pulau Pemanggil, Mersing





LAIN-LAIN PROGRAM

Selain menjalankan kerja penguatkuasaan dan siasatan, JAS Cawangan Kluang juga terlibat dengan program-program yang diaturkan oleh Pejabat Daerah Kluang dan Mersing. Antara program tahunan yang utama adalah Kembara Mahkota Johor



Gambar 9.7 : Kembara Mahkota Johor

CAWANGAN **MUAR** JOHOR



LAPORAN TAHUNAN 2018 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR (CAWANGAN MUAR)

Pengenalan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (Cawangan Muar) mula ditubuhkan pada 1 Mei 2003 bertempat di Daerah Muar. Operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (Cawangan Muar) meliputi Daerah Muar, Daerah Tangkak dan Daerah Segamat.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (Cawangan Muar) diketuai oleh Ketua Cawangan, dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan serta 6 orang kakitangan sokongan yang lain.


Fungsi utama Jabatan ini adalah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan-peraturan di bawahnya ke atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT), Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT), menjalankan siasatan aduan pencemaran, hotspot dan rondaan pemantauan aktiviti pembakaran terbuka.

Program Penguatkuasaan


Pada tahun 2018, sebanyak 13 buah premis yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977, 9 buah premis yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 dan 4 buah premis yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Buangan Terjadual) 1989 telah dilawat dan diperiksa bagi pematuhan syarat-syarat lesen. Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (Cawangan Muar) turut menjalankan pemeriksaan ke atas premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) seperti industri perabot dan lain-lain jenis premis serta Loji Kumbahan IWK, siasatan aduan pencemaran, siasatan hotspot yang diterima melalui satelit NOAA dan rondaan pemantauan aktiviti pembakaran terbuka dari masa ke semasa.

Jadual 9.8 : Bilangan pemeriksaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 mengikut kategori penguatkuasaan.

Bil	Penguatkuasaan	Pencapaian		Jumlah Pencapaian
		Desktop Enforcement	Field Inspection	
1	Premis Yang Ditetapkan (PYDT)	35	29	64
	- Kilang Kelapa Sawit	33	21	54
	- Kilang Getah	7	6	13
	- Premis Buangan Terjadual			
2	Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)	171	97	268
3	Loji Kumbahan IWK	82	14	96
4	Maklumbalas GSR		43	43
5	Siasatan Aduan Pencemaran		121	121
6	Siasatan Hotspot		7	7
7	Rondaan Pemantauan Pembakaran Terbuka		120	120



Graf 9.8: Peratusan Pecahan Mengikut Jenis Aktiviti Penguatkuasaan Tahun 2018



Graf 9.9 : Perbandingan Peratusan Pecahan Mengikut Jenis Aktiviti Penguatkuasaan Bagi Tahun 2016, 2017 Dan 2018

Permohonan Notifikasi dan Pengisytiharan Bertulis

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (Cawangan Muar) turut memproses Permohonan Pemberitahuan Bertulis serta Pengisytiharan Bertulis bagi pemasangan alat pembakaran bahan api (APB), sistem kawalan pencemaran udara dan sistem pengolahan efluen dipremis bagi tahun 2018.

Bil	Jenis Permohonan	Jumlah
1	Notifikasi Sistem Pengolahan Kumbahan	1
2	Pemberitahuan Bertulis Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian	3
3	Perisytiharan Bertulis Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian	0
4	Pemberitahuan Bertulis Pemasangan Sistem Kawalan Pencemaran Udara	6
5	Perisytiharan Bertulis Pemasangan Sistem Kawalan Pencemaran Udara	11
6	Pemberitahuan Bertulis Bagi Pemasangan Alat Pembakaran Bahan Api	4
7	Perisytiharan Bertulis Bagi Pemasangan Alat Pembakaran Bahan Api	1

Jadual 9.9 : Jumlah Notifikasi & Pengisytiharan Bertulis yang telah diproses


Tindakan Penguatkuasaan

Susulan daripada lawatan pemeriksaan serta siasatan aduan, sebanyak 37 buah notis arahan dan 16 buah kompaun telah dikeluarkan kepada premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Selain itu, sebanyak 5 premis dikenakan tindakan penahanan kelengkapan operasi (sita) dan 1 buah premis yang digantung lesen.


Jadual di bawah menunjukkan bilangan tindakan penguatkuasaan yang dikenakan ke atas premis di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (Cawangan Muar) pada tahun 2018.

Bil	Jenis Tindakan Penguatkuasaan	Jumlah
1	Notis Arahan	37
2	Kompaun	16
3	Penahanan Kelengkapan Operasi (Sita)	5
4	Gantung Lesen	1
5	Mahkamah	0

Jadual 9.10 : Bilangan tindakan penguatkuasaan tahun 2018



Graf 9.9 : Bilangan tindakan penguatkuasaan tahun 2018



Graf 9.10 : Perbandingan Tindakan Penguatkuasaan Bagi Tahun 2016, 2017 Dan 2018

Gambar-Gambar Aktiviti Penguatkuasaan



Gambar 9.7 : Pemeriksaan pemasangan baru Alat Pembakaran Bahanapi serta Sistem Kawalan Pencemaran Udara di kilang kelapa sawit



Gambar 9.8: Penguatkuasaan di kilang getah



Gambar 9.9 : Persampelan di Loji Kumbahan IWK



Gambar 9.10 : Pemeriksaan di premis kitar semula plastik

Program- Program Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2018


Gambar 9.11 : Sambutan Hari Bumi 2018 Peringkat Negeri Johor Di Sekolah Menengah Bandar Maharani



Gambar 9.12 : Perasmian Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik Tangkak, Johor



Gambar 9.13 : Majlis Latihan Uji Coba Prosedur Tetap Operasi Bagi Mencegah Kebakaran Tanah Gambut





CAWANGAN
PENGERANG
JOHOR



JABATAN ALAM SEKITAR (CAWANGAN PENERANG)

LATAR BELAKANG

JAS Cawangan Pengerang ditubuhkan pada mulanya dipanggil Unit adalah khas bagi memantau dan menangani aktiviti pencemaran laut terutamanya kes tumpahan minyak dan pencemaran akibat daripada aktiviti perkapalan sebelum berkembang menjadi satu cawangan sepertimana JAS Cawangan yang lain.

Tugas utama JAS Cawangan Pengerang adalah menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT), Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT), siasatan aduan, siasatan hotspot dan siasatan penguatkuasaan marin dan lain-lain yang berkaitan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) dan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang (PBT Pengerang).

Kekuatan anggota JAS Cawangan Pengerang adalah sebanyak 6 orang, dimana terdiri daripada 1 Ketua Cawangan (KC) dan 5 Pegawai Penguatkuasa.

INVENTORI PUNCA

Jadual 9.10 menunjukkan inventori punca pencemaran di bawah seliaan JAS Cawangan Pengerang.

Jenis Punca	Jumlah
Kilang Kelapa Sawit (KKS)	11
PYBDT (Industri)	101
PYBDT (Bukan Industri)	102
Jumlah punca	214

**Jadual 9.10 : Inventori premis bagi JAS
Cawangan Pengerang bagi Tahun 2018**

PENGUATKUASAAN

Bagi tahun 2018, pencapaian program penguatkuasaan JAS Cawangan Pengerang adalah sepertimana di dalam jadual 9.11.


Bil	Aktiviti	Pencapaian
1	Pemeriksaan PYDT	22
2	Pemeriksaan PYBDT	30
3	DE PYDT	39
4	DE PYBDT	22
5	Aduan	40
6	OMP T	108
7	Hotspot	8
8	Rondaan Laut	5
9	Rondaan Pantai	31
10	Penahanan Operasi	1
11	Pemeriksaan Kapal	13
12	Pemeriksaan Check Dam	3

Jadual 9.11 : Pencapaian Program Penguatkuasaan JAS Cawangan Pengerang

Punca Tetap

Penguatkuasaan terhadap punca tetap merupakan pemeriksaan yang dijalankan terhadap Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) seperti industri, loji pengolahan kumbahan manakala Premis Yang Ditetapkan (PYDT) seperti Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah dan Premis Buangan Terjadual yang dilesenkan oleh JAS.

Sepanjang tahun 2018, sejumlah **30 pemeriksaan** telah dijalankan terhadap **268 Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)** dan **22 pemeriksaan** telah dijalankan terhadap **11 Premis Yang Ditetapkan (PYDT)** di Daerah Kota Tinggi dan Pengerang. Selain itu, JAS Cawangan Pengerang telah juga melaksanakan penguatkuasaan secara *desktop* bagi konsep *Guided Self Regulation* (GSR) bermula pada bulan Julai 2015 sehingga tahun 2018. Sebanyak **61 premis** telah diperkasa melalui *Desktop Enforcement* (DE) dengan pecahan sebanyak **39 premis** bagi KKS dan **22 premis** bagi PYBDT. Rajah1 menunjukkan aktiviti penguatkuasaan JAS Pengerang dari tahun 2016 sehingga 2018.



Graf 9.11 : Aktiviti Penguatkuasaan JAS Cawangan Pengerang dari Tahun 2016 - 2018

Gambar 9.14 menunjukkan lawatan penguatkuasaan pegawai JAS Cawangan Pengerang ke loji pengolahan kumbahan (IWK) dan kilang kelapa sawit di Daerah Kota Tinggi.

Lawatan Penguatkuasaan ke Loji Pengolahan Kumbahan di Kota Tinggi



Gambar 9.14 : Keadaan loji pengolahan kumbahan yang diselenggara dengan baik




Gambar 9.15 : Lawatan Penguatkuasaan ke Kilang Sawit di Kota Tinggi

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Berdasarkan pemeriksaan dan siasatan aduan yang dijalankan oleh JAS terhadap premis / pemilik, tindakan-tindakan penguatkuasaan akan diambil bagi premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) seperti Notis Arahan (NA), kompaun dan sebagainya. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 45 Notis Arahan (NA) dan 15 kompaun telah dikeluarkan kepada premis yang melanggar AKAS 1974. Selain itu juga, sebanyak satu (1) premis telah dikenakan tindakan penahanan operasi kelengkapan (sitaan). Jadual 3 menunjukkan jumlah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh JAS Cawangan Pengerang. Tren tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh JAS Cawangan Pengerang dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti di Jadual 9.12.

Jadual 9.12 : Jumlah Tindakan Penguatkuasaan Pada Tahun 2018

Bil	Tindakan	Jumlah tindakan
1	Kompaun	15
2	Notis Arahan	45
3	Kertas Siasatan	0
4	Penahanan Operasi Kelengkapan	1



Graf 9.12 : Tren Tindakan Penguatkuasaan JAS Cawangan Pengerang, 2016 - 2018


ADUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Sepanjang tahun 2018, JAS Cawangan Pengerang telah menerima sebanyak **40 aduan** mengenai pencemaran alam sekitar. Kesemua aduan yang diterima tersebut telah disiasat dan diambil tindakan di bawah kuasa Jabatan. Jumlah aduan yang diterima pada tahun 2018 ini didapati bertambah sebanyak 37.5% iaitu berbanding 25 aduan yang diterima pada tahun 2017. Daripada 40 aduan yang diterima tersebut didapati **8 (20%)** adalah terdiri daripada **aduan tumpahan minyak / marin**, **18 (45%)** aduan adalah terdiri daripada **aduan pencemaran udara**, **2 (5%)** daripada pencemaran daratan, **9 (22.5 %)** daripada pencemaran air, **1(2.5%)** daripada **pencemaran bau busuk** dan **2 (5%)** daripada **pencemaran buangan terjadual**. Tiada aduan diterima mengenai bunyi bising bagi tahun 2018. Jadual 9.13 menunjukkan jenis aduan yang diterima di JAS Cawangan Pengerang dari Tahun 2016 sehingga 2018. Peratusan aduan yang diterima di JAS Cawangan Pengerang pada Tahun 2018 ditunjukkan di dalam **gambar** . Gambar-gambar aduan yang diterima oleh JAS Cawangan Pengerang seperti di Gambar 9.16 - Gambar 9.21.

Jadual 9.13 : Jenis Aduan yang Diterima Di JAS Cawangan Pengerang dari Tahun 2016 - 2018

Bil	Jenis Aduan	Tahun		
		2016	2017	2018
1	Tumpahan Minyak / Marin	12	5	8
2	Pencemaran Udara	9	14	18
3	Pencemaran Daratan	0	0	2
4	Pencemaran Air	7	6	9
5	Pencemaran Bau Busuk	0	0	1
6	Pencemaran Buangan Terjadual	0	0	2
7	Bunyi Bising	0	0	0

Aduan yang diterima di JAS Cawangan Pengerang pada 2018



Graf 9.13 : Pecahan menunjukkan Peratusan Aduan yang diterima JAS Cawangan Pengerang pada Tahun 2018

Aduan Pelupusan Haram Buangan Terjadual



Gambar 9.16 : Pelupusan haram di sedili kecil, Kota Tinggi

Aduan Pencemaran Sungai Daripada Bengkel Minyak Terpakai




Gambar 9.17 : Keadaan minyak yang melimpah masuk ke parit berhampiran

Aduan Pencemaran Tarball



Gambar 9.18 : Keadaan lokasi yang terjejas akibat pencemaran tarball



Gambar 9.19 : Peta Pantai di Sedili yang terjejas dengan pencemaran tarballs (sepanjang 5 km)



Gambar 9.20 : Taklimat ringkas sebelum kerja pembersihan dijalankan




Gambar 9.21 : Pelupusan Tarballs

SIASATAN PEMBAKARAN TERBUKA

Sepanjang tahun 2018, JAS Cawangan Pengerang telah meneruskan operasi rondaan mencegah pencemaran terbuka di kawasan - kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan yang cenderung berlaku kebakaran. Sejumlah 108 bagi Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) dan 8 kes Hotspot / Titik Panas yang dikesan oleh satelit NOAA19 telah dijalankan dan disiasat oleh JAS Cawangan Pengerang. Graf 9.14 di bawah menunjukkan bilangan pecahan bagi OMPT dan Hospot yang diterima di JAS Cawangan Pengerang.

Graf 9.14 : Bilangan operasi dan siasatan terhadap aktiviti pembakaran terbuka bagi Tahun 2018



MARIN

Aktiviti penguatkuasaan marin dijalankan oleh JAS Cawangan Pengerang secara bersepadu bersama anggota-anggota daripada **Agensi Penguatkuasaan Maritim Wilayah Malaysia (APMM)** dan **Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan**. Operasi bersepadu tersebut dijalankan di perairan daerah Kota Tinggi yang meliputi perairan Pengerang sehingga Sedili. Aktiviti penguatkuasaan marin yang dijalankan oleh JAS Cawangan Pengerang ialah rondaan laut, pemeriksaan kapal dan rondaan pantai. Kes-kes pencemaran marin yang dirujuk kepada JAS Cawangan Pengerang adalah seperti kes tumpahan minyak di laut, kes penemuan kapal tangki melakukan *desludging* atau desloping secara haram yang melibatkan buangan terjadual SW305 dan SW 309, insiden tumpahan minyak akibat kemalangan kapal dan pendaratan tarball di pantai. Jadual 9.14 dan 9.15, menunjukkan aktiviti penguatkuasaan marin dari tahun 2016 sehingga 2018 dan kes-kes pencemaran marin bagi tahun 2018.

Jadual 9.14 : Aktiviti penguatkuasaan Marin Tahun 2016 - 2018

Bil	Aktiviti	Tahun		
		2016	2017	2018
1	Rondaan Di Laut	4	5	5
2	Rondaan Di Pantai	35	103	31
3	Pemeriksaan Kapal	0	0	13

Jadual 9.15 : Kes-Kes Pencemaran Marin, Tahun 2018

Bil	Kes
1	Tumpahan minyak dan penemuan tarball di Pantai Sedili pada 11 Mac 2018
2	Pelupusan sisa minyak ke laut oleh Kapal Tangki MT Nicholas pada 18 Nov 2018
3	Tumpahan minyak akibat daripada kemalangan kapal MV Amanda yang karam di Timur Tanjung Sepang padan 25 Dis 2018

Program Kerjasama Penguatkuasaan Marin Bersama Agensi



Gambar 9.22 : Penguatkuasaan Marin yang dijalankan bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)



BAB 10 UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

2018

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

1. PENDAHULUAN

Unit Teknologi Maklumat (UTM) adalah unit di bawah Bahagian Pengurusan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan diletakkan di Tingkat 3 Wisma Alam Sekitar. Ia ditubuhkan bagi mengurus segala kemudahan ICT dan merupakan sebuah unit yang menyediakan perkhidmatan sokongan terpenting di dalam entiti Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor serta mempunyai peranan yang besar dalam mengendalikan semua urusan ICT seperti perancangan dan pengurusan ICT iaitu rangkaian, portal, teknologi maklumat, perkakasan, perisian dan internet. Seiring dengan keperluan capaian maklumat tanpa sempadan, UTM berfungsi membangunkan sistem, bertindak mengawasi operasi data, melatih kakitangan serta menyediakan laporan-laporan semasa yang diperlukan organisasi. Di samping itu, UTM juga menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal dan penyelenggaraan yang optimum bagi memastikan semua sistem-sistem aplikasi dan peralatan komputer sentiasa berfungsi dengan sempurna.

2. FUNGSI / AKTIVITI JABATAN

Unit Teknologi Maklumat bertanggungjawab memberi perkhidmatan sokongan kepada warga Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor melalui aktiviti-aktiviti berikut :

- a) Perancangan Dan Pembangunan Infrastruktur ICT
- b) Khidmat Sokongan Sistem Aplikasi Kerajaan Elektronik (EG)
- c) Khidmat Sokongan Teknikal / Penyelenggaraan ICT (Perisian dan Perkakasan)
- d) Penyelenggaraan Sistem Aplikasi
- e) Khidmat nasihat dan rundingcara perolehan produk ICT
- f) Pengemaskinian Web portal Jabatan Alam Sekitar Negeri johor
- g) Infrastruktur rangkaian, internet dan keselamatan ICT
- h) Menyedia dan mengawal penggunaan Internet Access di Jabatan Alam Sekitar Negeri johor
- i) Latihan Pembudayaan ICT / Latihan Sistem Aplikasi
- j) Terlibat dalam persiapan majlis-majlis rasmi yang dianjurkan oleh Jas Johor dari segi bantuan teknikal

a) PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ICT

Merancang keperluan peralatan ICT	<p>- Menyediakan kertas kerja permohonan peralatan pejabat (komputer, komputer peribadi, pengimbas, dan projector) ke Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat di Bahagian Teknologi Maklumat (BTM).</p> <p>- Pada tahun 2018, jabatan telah menerima 4 unit komputer riba, 3 unit mesin pengimbas dan 1 unit pencetak warna.</p>
Merancang keperluan LAN / WAN	<p>-menaiktaraf kelajuan rangkaian :-</p> <ul style="list-style-type: none"> :- Jas johor – 10 mbps kepada 20 mbps :- Cawangan Muar – 6 mbps kepada 10 mbps :- Cawangan Pengerang – 6 mbps kepada 10 mbps :- Cawangan Kluang – 2 mbps kepada 10 mbps :- Cawangan Batu Pahat – 2 mbps kepada 10 mbps
Pemantauan dan Pengurusan Peralatan ICT	<p>-Pengumpulan data peralatan ICT dilaksanakan pada pertengahan dan hujung tahun dan disimpan di dalam pangkalan data untuk dipantau dan dikemaskini. (http://nreasset.doe.gov.my/portalspa/login.cfm)</p> <p>-Sehingga akhir tahun 2018,Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor mempunyai sebanyak 196 buah komputer (termasuk komputer riba) yang masih berfungsi dengan baik.</p>

Jadual 10.15 : Aktiviti yang telah dilaksanakan

b) KHIDMAT SOKONGAN SISTEM APLIKASI KERAJAAN ELEKTRONIK (EG)

- Pemantauan sistem aplikasi Kerajaan Elektronik (EG) seperti HRMIS, 1 GFMAS, e-SPKB, e-Terimaan dan e-Perolehan

c) KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL / PENYELENGGARAAN ICT (PERISIAN DAN PERKAKASAN)

- Memberi khidmat nasihat ICT kepada pegawai/pengguna yang mempunyai masalah berkaitan komputer dan aplikasi.
- Unit ICT telah menerima lebih dari 3 aduan kerosakan komputer sehari secara purata dari pegawai/pengguna. Komputer-komputer tersebut perlu disenggara dan Penolong

Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) akan melaksanakan penyenggaraan tersebut mengikut kategori kerosakan. Untuk kerosakan kategori minor, akan mengambil masa beberapa jam manakala sekiranya major, mengambil masa 2-3 hari.

- Sehingga 31 Disember 2017 tahun ini Unit ICT telah menerima 115 aduan. Dalam 115 aduan 5 aduan tidak dapat diselesaikan. Ini disebabkan komputer dan printer mengalami kerosakan major dan lebih 5 tahun. Oleh sebab itu unit ICT telah melupuskan komputer dan printer tersebut dengan menggantikan dengan komputer lain.

- Secara keseluruhan jabatan ini mempunyai 153 buah komputer yang perlu disenggara sekiranya berlaku kerosakan.

d) PENYELENGGARAAN SISTEM APLIKASI

- Memantau penggunaan sistem aplikasi seperti berikut:-

Jadual 10.16 : Pemantauan penggunaan sistem aplikasi

<p>Sistem Aplikasi Kementerian Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor</p>	<ul style="list-style-type: none"> o SPPA: Sistem Pemantauan Pengurusan Aset o E-KAS: E-Kawalan Alam Sekitar o Sistem Sub-Portal o HRMIS: Sistem Malumat Pengurusan Sumber Manusia o ECN: E-Consignment Note o MDMR: Monthly Discharge Monitoring Report o Sistem Telemetry Sungai Skudai o Gis - Geographic information systems
---	--

	<ul style="list-style-type: none"> o CEMS - Sistem penguat kuasa dan pemantauan jarak jauh o DDMS – Dredging & Dumping Monitoring System o ESC ONLINE - Extended Static Checking o OSC ONLINE - Sistem Elektronik Untuk Membuat Penyerahan Pemohonan Dan Memproses Permohonan Untuk Kawalan Pemajuan o GEOPORTAL o m-FORCE - Aplikasi Mbile Enforcement System
--	--

ISU, MASALAH DAN SEBARANG CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

KEKUATAN

- Semangat kerja berpasukan yang tinggi.
- Pembudayaan kerja melalui dokumen elektronik.
- Sokongan kuat daripada pegawai dan kakitangan.

KELEMAHAN

- Kekurangan kepakaran untuk merancang dan melaksanakan hala tuju ICT .
- Komputer peribadi yang digunakan oleh kakitangan sokongan perlu ditukar.
- Pelanggan memerlukan pembangunan dan penambahbaikan dengan kadar segera.
- Kekurangan kepakaran untuk membangun sistem yang komprehensif dan pembangunan laman web.

ANCAMAN

- Perubahan teknologi yang begitu pantas.
- Peruntukan perbelanjaan yang terhad
- Ancaman dari serangan virus, trojan , spam dan lain-lain.
- Penghantaran fail bersaiz besar mengganggu kelancaran penghantaran emel.


PELUANG

- Peluasan skop latihan.
- Perolehan peralatan mendapat kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, Putra Jaya.
- Pengetahuan teknologi terkini mengenai peralatan dan penyelenggaraan diperolehi melalui perolehan, seminar dan kursus.
- Kerjasama dari MAMPU dalam menangani masalah rangkaian.
- Pengetahuan teknologi terkini diperolehi melalui pembangunan sistem.
- Sokongan pengurusan yang padu dalam penggunaan aplikasi.
- Ke arah 'paperless'.
- Penaiktarafan sistem berasaskan keperluan dan teknologi.

PERANCANGAN TAHUN 2018

- Pada tahun 2018, Unit Teknologi Maklumat bercadang untuk melaksanakan beberapa program utama bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan sokongan ICT.

- Menyediakan prasarana dan kelengkapan yang bersesuaian bagi memantapkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian program latihan.
- Pelaksanaan sistem kerja secara elektronik dalam semua proses kerja yang berkaitan.
- Menyediakan Pelan Latihan ICT selaras dengan keperluan jabatan dan teknologi terkini.
- Mewujudkan persekitaran kerja yang mementingkan penyelidikan dan pembangunan yang mantap
- Menyediakan persekitaran yang sihat untuk perkakasan komputer dan peralatan rangkaian;
- Penggunaan Data Server yang sedia ada dengan sepenuhnya.
- Menyusun atur pengemaskinian fail jabatan dengan menggunakan system fail.



Graf 10.1 : Trending Aduan ICT Dari Tahun 2016 hingga 2018



NEGERI JOHOR

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI ALAM
SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM**

WISMA ALAM SEKITAR,
NO 46, JALAN PERTAMA 1,
PUSAT PERDANGAN DANGA UTAMA,
81300 JOHOR BAHRU, JOHOR.
TEL : +607 - 5500 522 (HUNTING LINE)
FAKS : +607 - 5500 971

FACEBOOK : www.facebook.com/pages/jabatanalamsekitar
www.doe.gov.my

**JAS CAWANGAN BATU PAHAT
7-03 TINGKAT 7,
NO. 9, JALAN ZABEDAH,
83000 BATU PAHAT,
JOHOR**

TEL : +607-4388490 / 91 FAKS : +6074388492

**JAS CAWANGAN KLUANG
TINGKAT 3 & 4, BANGUNAN ALLIANZ BUSS MALAYSIA,
NO. 270, JALAN MERSING,
86000 KLUANG,
JOHOR**

TEL : +607-7765892 / 7760194 FAKS : +607-7767493

**JAS CAWANGAN MUAR
NO.19-14, TINGKAT 1,
WISMA TIAM LOCK,
JALAN SUNGAI ABONG,
84000 MUAR,
JOHOR**

TEL : +606-9556127 / 6129 FAKS : +606-9556128

**JAS CAWANGAN PENGERANG
JALAN PANTAI,
SUNGAI RENGGIT,
81620 KOTA TINGGI,
JOHOR**

TEL : +607-8266822 FAKS : +607-8265266





**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR
WISMA ALAM SEKITAR
NO. 46, JALAN PERTAMA,
PUSAT PERDAGANGAN DANGA UTAMA
81300 JOHOR BAHRU, JOHOR
TEL : 07-5500 522 / 523 FAKS : 07-5500 971
FACEBOOK : www.facebook.com/pages/jabatanalamsekitar
www.doe.gov.my**